

Bicara Seorang Syeikh Kamil

siri 2

Bicara

Seorang Syeikh Kamil

Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani



Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia

Cetakan Pertama : zulHijjah 1436H - September 2015M

Diterbitkan oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
BAIT SYDNA SYEIKH ABDUN NASIR AL-HASANI
No. 2 Jalan Gunung Nuang U11/9A, Bukit Bandaraya SS U11,
40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Penerbit Eksekutif
Dr Mahmoud MrGlani

Penulis
Dr Mahmoud MrGlani

Penterjemah
Rahmat Muhamad

Reka Bentuk kulit dan Kandungan
Abdul Jalil Shukor

Diedar Oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah
Internasional - Malaysia



Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
Pustaka Sufi Arab - Terjemahan Melayu
Rahmat Muhamad



Bicara
Seorang Syeikh Kamil

Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani

alih bahasa :
Rahmat Syazili

-siri 2-

Daftar Isi



Sidna As-Syeikh Al-Kamil
As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili

Sekapur Sireh



الحَمدُ لِلّهِ رَبِّ العَالَـمِين * اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّم وَبارِك عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الطَّيِّبِينَ وَذُرِّيَّتِهِ الـمُبَارَكِينَ وَصَحَابَتِهِ الأَكرَمِينَ وَأَزوَاجِهِ أُمَّهَاتِ الـمُؤمِنِينَ صَلَاةً مَوصُولَةً تَتَرَدَّدُ إِلَى يَومِ الدِّينِ * وَبَعدُه؛

Alhamdulillah dengan limpah kurnia dariNya sekarang terbitlah siri kedua dari koleksi terjemahan Melayu artikel guru murrobbi kami Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani Al-Husayni putera kota Madinah Al-Munawwarah dari asal teks Bahasa Arabnya yang beliau siarkan secara berterusan di laman Facebook sejak bertahun-tahun.

Penulisan beliau yang menyentuh berbagai topik dan secara khusus memfokus kepada usaha-usaha untuk menghidupkan kembali hati dan naluri insan Muslim dan nonmuslim di zaman kita telah membuka

mata, akal dan sanubari kami murid-murid beliau di tanah air, ia telah membantu memperbetul berbagai kesalahfahaman kami serta meluruskan halatuju dalam hidup untuk menempuh jalan menuju ALLAH.

Maka inilah kami bukukan artikel-artikel Syeikh kami itu buat peringatan dan obor menerangi hayat... untuk kita sekarang dan buat generasi yang mendatang.

وَاللهُ وَلِيُّ التَّوفِيقِ وَالسَّدَادِ وَإِلَيهِ المَرجِعُ وَالمَعَادُ.

-Penerbit-






Hadis Sidnan Nabi Yang Menggetar Jiwaku -1

30 Ogos 2014

Junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم telah bersabda :

” العلم الذي لا يعمل به كالكنز الذي لا ينفق منه ...أتعب صاحبه نفسه في جمعه ... ثم لم يصل إلى ننفعه “.

“Ilmu yang tak diamalkan ibarat khazanah yang tidak dibelanjakan

tuannya letih mengumpulkannya tapi dia sendiri tak dapat mengecap manfaatnya”

Junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم telah bersabda:

” العلم علمان ... علم باللسان هو الحجة عليك ...

وعلم بالقلب هو النافع لك ".

"Ada dua jenis ilmu...

ilmu lidah yang menjadi hujjah mendakwamu

dan ilmu hati yang memberi manfaat kepadamu"

Junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم telah bersabda:

" رحم الله من سمع مقالتي فوعاها ... ثم أداها إلى من لم يسمعها ... فرب حامل فقه إلى من هو أفقه منه".

"ALLAH merahmati orang yang mendengar perkataanku lalu diingatnya

lalu dia menyampaikannya pula kepada orang lain yang mendengarkannya.

dapat jadi orang membawa kefahaman kepada orang lain yang lebih faham darinya".

Junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم telah bersabda:

" العالم والمعلم شريكان في الأجر ... ولا خير في سائر الناس بعد ".

"Orang alim dan guru sama-sama berkongsi pahala".

dan tiadalah kebaikan pada orang lain (yang tidak mahu pada ilmu)"

Junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم telah bersabda:

" حملة العلم في الدنيا خلفاء الأنبياء ... وفي الآخرة من الشهداء".

"Para pembawa ilmu di dunia adalah pengganti para nabi.

Di akhirat mereka termasuk golongan syuhada".



Hadis Sidnan Nabi Yang Menggetar Jiwaku -2

31 Ogos 2014

Junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم telah bersabda :

" ما أهدى المسلم لأخيه هدية أفضل من كلمة حكمة يسمعها ... فانطوى عليها ... ثم علمه اياها ... يزيده الله به هدى .. أو يرده عن ردى ... وإنها لتعدل إحياء نفس ... ومن أحياها فكأنما أحيا الناس جميعا ".

"Tiadalah seorang muslim

memberi hadiah kepada saudara muslimnya

yang lebih afdhal dari kalam hikmah yang didengarinya

lalu dia menyerap kalam itu dalam dirinya

kemudian diajarinya kepada saudaranya.

Dengan kalam itu ALLAH menambah hidayat kepadanya…

atau menyelamatkannya dari kegelinciran…

sesungguhnya ia ibarat menghidupkan satu jiwa…

dan barang siapa menghidupkan satu jiwa

seolah-olah dia

menyelamatkan seluruh jiwa manusia”.



Hadis Sidnan Nabi Yang Menggetar Jiwaku -3

9 September 2014

Junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم telah bersabda :

العبادة عشر أجزاء تسع منها في كسب اليد من الحلال.

"Ibadah itu sepuluh bahagian,
sembilan darinya
pada usaha kerja tangan
menghasilkan pendapatan halal".



Nasihat Untukku & Buatmu Tuan Puan -1

27 April 2014

Kalangan Masyaikh -moga ALLAH meredhoi mereka semua- berkata :

كن على منهاج علم الشريعة والحقيقة... واستضئ بنور الله

وصفاته... وتمسك بحبل الله.

"Tetaplah engkau di atas perjalanan syariat dan hakikat

dapatkanlah pencerahan dari cahaya ALLAH dan sifat-sifatNya

dan berpegang teguhlah kepada taliNya".



Nasihat Untukku & Buatmu Tuan Puan -2

27 April 2014

Kalangan Masyaikh -moga ALLAH meredhoi mereka semua- berkata :

Segala penghujung takkan benar melainkan dengan memperbetul segala permulaan

ibarat sebuah bangunan

yang takkan tegak tanpa asas.

Adapun memperbetul segala permulaan ialah :

Mendirikan pekerjaan ini (perjalanan/suluk) atas dasar musyahadah, ikhlas dan menjejak sunnah

menjauhi larangan atas dasar musyahadah, khauf dan menjaga kehormatan

belas simpati kepada alam dengan menasihati setulusnya dan mengangkat kesusahan

serta meninggalkan setiap kawan

yang merosakkan waktu

dan segala sebab yang menjadikan hati keras.



Nasihat Untukku & Buatmu Tuan Puan -3

27 April 2014

Kalangan Masyaikh -moga ALLAH meredhoi mereka semua- berkata :

Segala manusia yang menempuh jalan menuju ALLAH terbahagi kepada tiga golongan :

1- Orang yang menempuh jalan dalam ahwal antara *khauf* (takut) dan *roja*' (harap)

sambil dirinya menumpu kepada cinta dan tak lekang dari malu. Orang ini dinamakan murid.

2- Orang yang diculik dari lembah *tafriqah* (tercaing-caing) lalu dibawa ke wadi *jam`u* (himpun).

Orang ini dinamakan murad.

3- Lain dari dua kategori di atas adalah pendakwa dakwi yang tertipu dan terperdaya.



Nasihat Untukku & Buatmu Tuan Puan -4

27 April 2014

Kalangan Masyaikh -moga ALLAH meredhoi mereka semua- berkata :

Segala makam itu dihimpun oleh tiga martabat :-

1- Ambilan yang teguh kepada menempuh perjalanan menuju ALLAH

2- Si murid/sang kembara masuk ke dalam *ghurbah* (keterasingan)

3- Dia beroleh musyahadah yang menyentapnya kepada inti tauhid dalam jalan *fana'*.



Hadis Sidnan Nabi Yang Menggetar Jiwaku -5

9 September 2014

Junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم telah bersabda :

الصبر نصف اليقين .

"Sabar itu separuh dari keyakinan"

Junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم telah bersabda :

القناعة مال لا ينفد.

"Qanaah adalah harta yang takkan habis"

*qanaah : rasa cukup dengan apa yang ada.

Junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم telah bersabda :

من تواضع رفعه الله .

“Barang siapa merendah diri nescaya dia ditinggikan Allah”

Junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم telah bersabda :

لو خشع قلبه لخشعت جوارحه .

“Kalau hatinya khusyu’ nescaya seluruh anggota tubuhnya akan khusyu”

Junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم telah bersabda :

مخافة الله رأس كل حكمة.

“Takutkan ALLAH adalah kepala segala hikmah”.



Fahaman Yang Wajib Dikoreksi -1

23 Disember 2014

Telah ku dengar dari Saiyidina As-Syarif Abdun Nasir رضي الله عنه وأرضاه ونفعنا به :

Ada banyak fahaman yang wajib dikoreksi lalu perlu difahami dengan benar serta disebarkan, diamalkan dan dilaksanakan… antara fahaman itu ialah bahawa umat kita… umat yang dirahmati… umat Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صل الله عليه وسلم

1- Wajib bagi kita untuk tidak menghadkan arah dan menentukan tempat di mana ALLAH…contohnya mengatakan bahawa ALLAH hanya ada di langit.

Bagaimanakah ini dapat diterima…sedangkan ALLAH Subhanahu wa Taala yang telah menciptakan langit, lalu di mana ALLAH sebelum Dia menciptakan langit… dan di mana Dia selepas penciptaan langit ?!

ALLAH Subhanahu wa Taala telah memuliakan

kita dengan segala jawaban sebagai memuliakan kekasihNya dan penghulu ciptaanNya صل الله عليه وسلم.

ALLAH Robbuna Subhanahu wa Taala berfirman dalam kitabNya Al-Quranul Karim, Surah Al-Baqarah ayat 115 :

﴿ فَأَيْنَمَا تُوَلُّواْ فَثَمَّ وَجْهُ اللَّهِ ﴾

"...ke mana saja kamu menghadapkan dirimu maka di situ wajah ALLAH"

Dalam Surah Al-Hadid ayat 4... Robbuna Subhanahu wa Taala berfirman :

﴿ وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنتُمْ ﴾

"...dan dia bersama kamu semua di mana saja kamu berada".

Dan jangan kita nak mengubah nama Robbuna Azza wa Jalla... contohnya menamakanNya sebagai God.

Begitu juga jangan mengucap kata-kata popular : God Bless You.

2- Wajib bahawa tidak berlaku penghinaan, pengecilan dan merendah-rendahkan terhadap Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صل الله عليه وسلم ... baik dari orang Islam atau bukan ...dan itu sama

sekali tidak kita terima… sama ada dalam apa bentuk atau lambang atau tulisan… tidak kira sama ada secara langsung atau tidak langsung… dan sekurang-kurang mengingkari ialah dengan hati kita.

Contohnya menyebut perkataan Prophet terhadap Junjungan Baginda Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صل الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم تسليما

3- Wajib untuk sama sekali tidak berlaku pengkafiran terhadap kaum Muslimin.

Orang Muslim mengkafirkan…. Kaum Muslimin… ini merupakan sesuatu yang sama sekali tidak boleh diterima tak kira walau berbagai kitab telah ditulis mengenainya.

Barangsiapa yang melakukannya, atau turut serta, atau menyokong, atau menyetujui mana-mana dari tiga perlakuan terlarang tadi… sesungguhnya dia berada dalam bahaya besar… dia telah melanggar ijmak (kesepakatan) kaum Muslimin… dan boleh jadi dia telah keluar dari daerah umat yang dirahmati.

Kita mohon lindungan ALLAH dari yang demikian itu.



Fahaman Yang Wajib Dikoreksi -2

23 Disember 2014

Telah ku dengar dari Saiyidina As-Syarif Abdun Nasir رضي الله عنه وأرضاه ونفعنا به :

Ada banyak fahaman yang wajib dikaji semula lalu difahami agar dapat disebarkan, diamalkan dan dilaksanakan… kerana umat kita… umat yang dirahmati… umat Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صل الله عليه وسلم

Kerana segala kemuliaan, hadiah dan pemberian telah datang kepada umat ini… yang segalanya itu kerana semata-mata satu sebab ini…yaitu kita merupakan umat Baginda صل الله عليه وسلم dan kita berada di atas perjalanan agama dan sunnah baginda صل الله عليه وسلم. Allahumma bagiMu pujian terbesar dan bagiMu kesyukuran termegah.

Kerna inilah, wajib bagi kita menyebut para junjungan kita as-sabiqinal awwalin yang terdahulu dengan segala kebajikan, takzim, syukur dan mahabbah

teragung. Jika kita tak mampu dan belum mampu untuk melakukannya dek kerana banyaknya dosa kita dan luasnya maksiat kita maka diamlah kita dan jangan kita bercakap apa dan tidak menulis apa-apa… dan kenalah kita menangisi bala besar ini.

Kerana Robbana Subhanahu wa Taala telah menyuruh kita dalam Surah Al-Baqarah sebanyak dua kali pada ayat 134 dan 141 :

تِلْكَ أُمَّةٌ قَدْ خَلَتْ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَلَكُم مَّا كَسَبْتُمْ وَلاَ تُسْأَلُونَ عَمَّا كَانُوا يَعْمَلُونَ

"Mereka itu adalah umat yang telah berlalu, bagi mereka apa yang telah mereka kerjakan dan bagi kamu apa yang telah kamu kerjakan. Dan tidaklah kamu ditanya tentang apa yang telah mereka lakukan".

Ayoh! Marilah kita belajar puncak peradaban dari dua ayat Al-Quranul Karim ini yang telah diturunkan kepada hati yang paling suci iaitu hati Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صل الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم kemudian diucapkan oleh lidah paling tulus di alam kewujudan...

...iaitu lidah Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صل الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم kemudian diambil oleh sebaik-baik umat di alam kewujudan… umat kekasih teragung; Nabi yang awwal Saiyidina wa

Maulana Muhammad Rasulullah صل الله عليه وسلم.

Ayoh! Marilah kita kembali dan mengkaji semula diri kita serta kita taubat dan istighfar kepada ALLAH tanpa bilangan dan dengan tiap nafhat dan madad.

Dan marilah kita memuji-muji ALLAH serta mensyukuriNya atas ihsanNya yang terdahulu… apabila Dia telah memilih kita untuk menjadi golongan yang berada dalam daerah Baginda صلى الله عليه وسلم.

Ya Robbana, kami ini lemah dari mensyukuriMu, dari zikirMu dan dari ibadat kepadaMu…muliakanlah kami, kuatkanlah kami, taufikkanlah kami, redhoilah kami dan cintailah kami… ya ALLAH.

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

"Robbana terimalah dari kami sesungguhnya Engkaulah yang Maha Mendengar lagi Maha Alim".



Fahaman Yang Wajib Dikoreksi -3

23 Disember 2014

Telah ku dengar dari Saiyidina As-Syarif Abdun Nasir رضي الله عنه وأرضاه ونفعنا به :

Ada banyak fahaman yang wajib dikaji semula lalu difahami agar dapat disebarkan, diamalkan dan dilaksanakan… kerana umat kita… umat yang dirahmati… umat Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صل الله عليه وسلم

Kerana segala kemuliaan, hadiah dan pemberian telah datang kepada umat ini… yang segalanya itu kerana semata-mata satu sebab ini…iaitu kita merupakan umat Baginda صل الله عليه وسلم dan kita berada di atas perjalanan agama dan sunnah baginda صل الله عليه وسلم.

Allahumma bagiMu pujian terbesar dan bagiMu kesyukuran termegah.

Pada hukum fiqh zaman sekarang adalah dibolehkan untuk kita dengan rasa gembira mengucap selamat/

tahniah kepada rakan-rakan agama lain semasa perayaan mereka… sudah tentu ucap selamat itu dengan berjaga-jaga soal makan halal… menjauh diri dari minuman haram… mengelak seboleh-bolehnya dari terlibat dengan pergaulan bebas khususnya parti-parti malam hari… duhai tahukah engkau apa yang berlaku dalam parti-parti itu.

Menggembirakan hati orang yang sedang menggembirai sesuatu… adalah sesuatu yang indah mempesona dan memori yang tak terlupakan.

Di zaman sekarang dan secara spesifiknya di waktu sekarang ini…. Wajib kita kembali kepada kemanusiaan kita… sebelum kembali kepada Islam kita khususnya selepas kita telah meruntuh segala yang indah dari diri kita… atau selepas kita telah turut serta dengan secara direct atau indirect dalam menyebar fobia terhadap Islam kita.

Renunglah betapa indahnya kebanggaan terhadap iman dan meninggalkan perkara yang dimurkai serta yang sesat di sisi ALLAH Subhanahu wa Taala dalam dua ayat Surah Al-Baqarah ini :

قُولُواْ آمَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْنَا وَمَا أُنزِلَ إِلَى إِبْرَاهِيمَ
وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالأَسْبَاطِ وَمَا أُوتِيَ مُوسَى
وَعِيسَى وَمَا أُوتِيَ النَّبِيُّونَ مِن رَّبِّهِمْ لاَ نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ

وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ (136)

"Katakanlah : "Kami telah beriman dengan ALLAH serta apa yang telah diturunkan kepada kami dan kepada apa yang diturunkan kepada Ibrahim, Ismail, Ishak, Yaakub dan al-asbaath (anak cucu Nabi Yaakub), lagi kami beriman terhadap apa yang telah diberikan kepada Musa, Isa dan apa yang telah diberikan kepada para nabi dari Tuhan mereka. Kami tidak membeza-beza antara para nabi itu dan kami Muslimun (berserah diri) kepadaNya" (136).

فَإِنْ آمَنُواْ بِمِثْلِ مَا آمَنتُم بِهِ فَقَدِ اهْتَدَواْ وَّإِن تَوَلَّوْاْ فَإِنَّمَا هُمْ فِي
شِقَاقٍ فَسَيَكْفِيكَهُمُ اللّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ (137)

Maka jika mereka beriman seperti mana berimannya kamu nescaya sesungguhnya mereka telah mendapat hidayah. Dan jika mereka berpaling maka sesungguhnya mereka dalam perpecahan. Maka ALLAH akan melindungimu dari mereka dan Dialah Tuhan yang Maha Mendengar lagi Maha Alim" (137).

Demikian juga renungilah betapa indah pesona dan ketegasan dua ayat dari Surah Aali `Imran ini :

قُلْ آمَنَّا بِاللّهِ وَمَا أُنزِلَ عَلَيْنَا وَمَا أُنزِلَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ

وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالأَسْبَاطِ وَمَا أُوتِيَ مُوسَى وَعِيسَى وَالنَّبِيُّونَ مِن رَّبِّهِمْ لاَ نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ (84)

"Katakanlah : "Kami telah beriman dengan ALLAH serta kepada apa yang telah diturunkan kepada Ibrahim, Ismail, Ishak, Yaakub dan al-asbaath (anak cucu Nabi Yaakub), lagi kami beriman terhadap apa yang telah diberikan kepada Musa, Isa dan apa yang telah diberikan kepada para nabi dari Tuhan mereka. Kami tidak membeza-beza antara para nabi itu dan kami Muslimun (berserah diri) kepadaNya" (84).

وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ الإِسْلاَمِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ (85)

Dan barang siapa yang mengambil selain Islam sebagai agamanya maka tidaklah diterima darinya (segala amalannya) dan dia di Akhirat dari kalangan mereka yang rugi" (85).

Demikian lagi renungilah pula betapa indah nasihat dan pemisahan antara dua golongan dalam ayat dari Surah Al-`Ankabut ini :

وَلاَ تُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلاَّ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِلاَّ الَّذِينَ

ظَلَمُوا مِنْهُمْ وَقُولُوا آمَنَّا بِالَّذِي أُنزِلَ إِلَيْنَا وَأُنزِلَ إِلَيْكُمْ وَإِلَٰهُنَا وَإِلَٰهُكُمْ وَاحِدٌ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ (46)

"Dan janganlah engkau mujadalah (mendebati) Ahlil Kitab kecuali dengan cara yang terbaik, melainkan golongan yang zalim dari mereka. Dan hendaklah kamu sekalian mengatakan : "Kami telah beriman dengan apa yang telah diturunkan kepada kami dan apa yang telah diturunkan kepada kamu sekalian. Tuhan kami dan kamu sekalian adalah satu dan kami Muslimun (berserah diri) kepadaNya" (46).

Kita ini sebelum nak jadi Muslimin wajiblah kita punya kemanusiaan.

Ayoh! Marilah bersama kita kembali dan mengkaji semula apakah itu kemanusiaan.

Kemudian barulah kita meng"Islam"kan diri seterusnya beriman dan seterusnya berihsan…

Segala-galanya di tangan ALLAH yang Maha Satu lagi Maha Esa… yang Maha Meninggi Diri lagi Maha Besar… dan Maha Menghidayati kepada jalanNya yang lurus.



Guru Kebaikan Kepada Manusia

9 Oktober 2014

إِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَأَهلُ السَّمَوَاتِ وَالأَرضِ حَتَّى النَّملَةَ فِي جُحرِهَا وَحَتَّى الحُوتَ لَيُصَلُّونَ عَلَى مُعَلِّمِ النَّاسِ الخَيرِ.

"Sesungguhnya ALLAH dan para malaikatNya
dan penghuni segala petala langit dan bumi
bahkan semut di dalam sarangnya
bahkan ikan
kesemuanya berselawat ke atas
siapa yang mengajar kebaikan kepada manusia".



Segalanya Telah Berubah -1

10 September 2014

Jika kita menilik pada kalimat cinta...mahabbah... asyik...rindu dendam...asmara...dan yang seumpamanya...Zaman dahulu ada tahapan tertentu bagi kebanyakan kalimat tentang makna keindahan, kebesaran, kesempurnaan dan...

Zaman dahulu tika kita tahu menghormati bahasa ibunda kita...tika kita menulis dengan bahasa kita... berfikir dengan bahasa kita...berdialog dengan bahasa kita...belajar dan mengkaji dengan bahasa kita... Bahasa Arab kita.

Apabila kita telah meninggalkan bahasa ini ...ia pun meninggalkan kita. Maka jadilah kita hanya menghormati apa yang disogok kepada kita oleh bahasa-bahasa lain yang menguasai segala-galanya pada kita.

Kita pun jadi lemah... dan segala apa yag ada pada kita turut melemah...segala yang ada pada kita.Di

zaman dahulu dalam apa keadaan pun Bahasa Arab merupakan bahasa pengantar sains, seni, perubatan, kejuruteraan, sastera...

Kerana itu dahulu kita kuat...mulia...terkehadapan... cemerlang.Tapi kolonialis telah menghancurkan kita... telah membunuh kita... telah mengubah kita... dan masih hingga kini menjajah kita.Jika kita mampu untuk keluar dari berbagai bentuk penjajahan ini... atau kita mendidik anak-anak kita untuk keluar dari penjajahan ini......barulah kita jadi manusia merdeka... barulah syiar kita jadi benar... marilah merdeka!



Segalanya Telah Berubah -2

10 September 2014

Apa keabsahan kita menuntut anak-anak kita dan mereka yang berada di keliling kita untuk beradab dan belajar adab sedangkan kita sendiri yang menyetujui perang dan penghancuran terhadap ahli adab, ahli zauq dan kemanusiaan...dari golongan tasawuf islami yang sunni lagi jelas dan soheh.

Di tiap medan pasaran dan pentasnya...kosong dan sunyi dari adab sopan dan tahu malu. Wajiblah kita menangis dan terus menangis... kerana kita telah turut menyertai... walau dengan diam dan setuju dalam diri ke atas perang terhadap ahli adab, ihsan dan iman... bahkan setuju mereka dihalau, dipenjara, diancam, dikafirkan... bahkan setuju mereka, keluarga mereka dan komuniti mereka diperhina-hinakan.

Kawan, orang yang tiada suatu barang dia takkan dapat memberinya pada orang lain.

Jamaah-jamaah dan gerakan Islam telah kehilangan adab... mereka terhalang dari memiliki jiwa yang punya belas ihsan dan kasih sayang. Mereka telah diarahkan kemudian mensasarkan diri mereka hanya kepada satu titik...iaitu memerangi tasawuf islami yang sunni dengan segala cara, bentuk, mesej dan peralatan.

Natijahnya ialah mereka terhalang dari tauladan ahli adab dan seluruh himpunan kemasyarakatan turut terhalang dari peribadi kasih sayang dan rahmat.

Inilah jenayah yang telah kita lakukan terhadap diri kita sendiri... dengan niat atau tidak... dengan kita mengetahuinya atau jahil tentangnya... dengan menyertai jenayah itu atau mempertahankannya. Tangisilah dirimu ayohai siapa yang mencari adab dan akhlak baik... segala-galanya sudah lesap sekarang.

Kasihanilah kami dengan rahmatMu ya Robbana... wahai Tuhan yang rahmatNya meliputi segala suatu... kami pun termasuk dalam segaala suatu itu... maka semoga rahmatMu turut meliputi kami ya ALLAH.



Segalanya Telah Berubah -3

15 September 2014

Di dunia antarabangsa program kursus (courses) sudah berubah. Semua orang sudah jadi begini keadaan dan perkataannya melainkan yang dirahmati ALLAH Tuhan kita.
Sama ada keadaannya begini… atau begitu…

Sama ada speaker (penyampai kursus) mengajar yang hadir dan para peserta bagaimana caranya untuk naik pangkat ranking tinggi… kena berperangai keji… tak berhati perut … dan lupa budi

… bagaimana nak jadi sesumpah; dalam satu masa yang sama bersama kedua-dua belah pihak kawan dan musuh…

…bagaimana nak makan lawanmu waktu lunch sebelum dia makan kamu waktu dinner

…bagaimana jadi talam dua muka; malam wajah lain dan siang wajah lain

..dan bagaimana…bagaimana…dan bagaimana… inilah dia lebih kurangnya yang berlaku di semua sektor kerajaan dan swasta.

Adapun keadaan yang kedua ialah…

فاقد الشيء لايعطيه

"Orang yang tak punya suatu barang itu takkan dapat memberinya kepada orang lain"

ertinya penyampai kursus itu sendiri tidak mempraktis pada dirinya apa yang dia ajarkan, atau dalam ertikata lain dia sendiri tak tahu apa yang dia sampaikan.

Atas sebab ini dan berbagai sebab lain segalanya sekarang sudah berubah.Yang benar menjadi salah. Yang hak menjadi batil.Yang jujur menjadi dusta.

Kiaskan sajalah kaedah ini dengan segala yang sama denganmu, di sekitarmu, di bawah dan di atasmu dari segala pangkat.

Wassalam… ya Salam… selamatkanlah dan peliharalah kami Ya Robbana.



Belajar & Memahami Dari Isyarat -1

22 September 2013

Aku telah bertanya kepada sanad dan junjungan kami Saiyidina As-Syeikh Abd. Nasir Al-Hasani -moga ALLAH meredhoinya dan menyampaikan keredhoan buatnya-:
Bagaimana caranya kita nak mengenal para rijal hadhrah kalangan ahlillah??

Jawab beliau: Seperti yang telah difirmankan oleh Robbuna Subhanahu wa Taala:

وَأَمَّا الَّذِينَ ابْيَضَّتْ وُجُوهُهُمْ فَفِي رَحْمَةِ اللَّهِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ"

"Adapun golongan yang telah putih berseri mukanya, maka mereka itu berada dalam limpah rahmat ALLAH (syurga), mereka kekal di dalamnya" - Aali `Imran: 107

Putih seperti putihnya susu… dan cahaya memancar bak mentari yang tak hilang.

Allahumma Robbana kurniakanlah kami manfaat, ketinggian dan kemuliaan dengan para solihin… Allahumma amin.



Belajar & Memahami Dari Isyarat -2

22 September 2013

Aku telah bertanya kepada sanad dan junjungan kami Saiyidina As-Syeikh Abd. Nasir Al-Hasani Al-Jaza'iri As-Syazili -moga ALLAH meredhoinya dan menyampaikan keredhoan buatnya-:
Sekarang di Malaysia pengikut almarhum Al-Ustaz Muhammad Asyaari pengasas jamaah Darul Arqam yang kemudian menjadi Syarikat Rufaqa' dan kemudian Syarikat Global Ikhwan sudah berpecah kepada lebih tiga kumpulan besar…

Kumpulan besar yang mewakili gerakan mereka sekarang mahu bertaubat kepada ALLAH Azza wa Jalla dan ingin kembali ke pangkuan masyarakat, mereka mahu meninggalkan segala sikap taksub, karut marut dan pelbagai masalah yang mereka lakukan selama ini… isu-isu kumpulan ini amat diketahui oleh mereka yang mengikuti perkembangan semasa

di Malaysia.

Yang penting dan yang lebih utama ialah mereka mahu berdamai dengan semua pihak yang kuat (dan berautoriti)… mereka juga mahu menisbahkan diri mereka kepada tarekat junjungan As-Syaziliyyah.

Saiyidina As-Syeikh Abd. Nasir Al-Hasani pun mengujar : ALLAH Robbuna yang maha mengasihi kita punya jawapan yang cukup memuaskan dan meliputi segalanya dalam Surah Az-Zumar:

قُلْ يَا عِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَى أَنفُسِهِمْ لا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ
اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ (53)

Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya ALLAH mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dia lah jua yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

وَأَنِيبُوا إِلَى رَبِّكُمْ وَأَسْلِمُوا لَهُ مِن قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمُ الْعَذَابُ ثُمَّ
لا تُنصَرُونَ (54)

Dan kembalilah kamu kepada Tuhan kamu

dengan bertaubat serta berserah bulat-bulat kepadaNya, sebelum kamu didatangi azab; kerana sesudah itu kamu tidak akan diberikan pertolongan.

وَاتَّبِعُوا أَحْسَنَ مَا أُنزِلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُم مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمُ الْعَذَابُ بَغْتَةً وَأَنتُمْ لا تَشْعُرُونَ (55)

Dan turutlah -Al-Quran- sebaik-baik. (panduan hidup) yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu, sebelum kamu didatangi azab secara mengejut, sedang kamu tidak menyedarinya.

أَن تَقُولَ نَفْسٌ يَا حَسْرَتَى عَلَى مَا فَرَّطتُ فِي جَنبِ اللَّهِ وَإِن كُنتُ لَمِنَ السَّاخِرِينَ (56)

Diperintahkan demikian supaya jangan seseorang (menyesal dengan) berkata: " Sungguh besar sesal dan kecewaku kerana aku telah mencuaikan kewajipan-kewajipanku terhadap ALLAH serta aku telah menjadi dari orang-orang yang sungguh memperolok-olokkan(ugama ALLAH dan para penganutnya!

أَوْ تَقُولَ لَوْ أَنَّ اللَّهَ هَدَانِي لَكُنتُ مِنَ الْمُتَّقِينَ (57)

Atau berkata: "kalaulah ALLAH memberi

hidayah petunjuk kepadaku, tentulah aku telah menjadi dari orang-orang yang bertaqwa!

أَوْ تَقُولَ حِينَ تَرَى الْعَذَابَ لَوْ أَنَّ لِي كَرَّةً فَأَكُونَ مِنَ
الْمُحْسِنِينَ (58)

Atau berkata semasa dia melihat azab: "Kalaulah Aku dapat kembali ke dunia, nescaya menjadilah aku dari orang-orang yang mengerjakan kebaikan!

بَلَى قَدْ جَاءَتْكَ آيَاتِي فَكَذَّبْتَ بِهَا وَاسْتَكْبَرْتَ وَكُنتَ مِنَ
الْكَافِرِينَ (59)

Kata-kata yang tersebut ditolak oleh ALLAH (dengan firmanNya): "Bahkan telahpun datang kepadamu ayat-ayat petunjukKu, maka engkau telah mendustakannya serta engkau berlaku sombong angkuh mengenainya, dan engkau telah menjadikan dirimu dari orang-orang yang kufur ingkar!

وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ تَرَى الَّذِينَ كَذَبُواْ عَلَى اللَّهِ وُجُوهُهُم مُّسْوَدَّةٌ
أَلَيْسَ فِي جَهَنَّمَ مَثْوًى لِّلْمُتَكَبِّرِينَ (60)

Dan di hari kiamat, engkau akan melihat golongan yang berdusta terhadap ALLAH (dan

yang menyatakan kesedihan itu) - muka mereka hitam legam; bukankah (telah diketahui bahawa) dalam neraka jahannam disediakan tempat tinggal bagi orang-orang yang sombong takbur?!

وَيُنَجِّي اللَّهُ الَّذِينَ اتَّقَوا بِمَفَازَتِهِمْ لا يَمَسُّهُمُ السُّوءُ وَلا هُمْ يَحْزَنُونَ (٦١)

Dan (sebaliknya) ALLAH akan menyelamatkan orang-orang yang bertaqwa dengan mereka mendapat kemenangan besar (keredaan ALLAH) mereka tidak akan disentuh sesuatu yang buruk, dan tidak akan berdukacita.

Punca tumbangnya Darul Arqam yang satu ketika dahulu pernah menjadi sebuah Jamaah Islamiyyah yang gagah dan berpengaruh di Asia Tenggara selama lebih 40 tahun adalah

pendustaan mereka… pendustaan mereka… dan pendustaan mereka.

Kerana ini dan itu semualah dusta adalah dusta, bohong adalah bohong… adalah peruntuh segala-galanya.

Allahumma Robbana pimpinlah tangan kami kepadaMu dan jadikanlah kami dari golongan sodiqin... mudahkanlah bagi kami jalan menujuMu ya ALLAH… Allahumma amin.



Belajar & Memahami Dari Isyarat -3

23 September 2013

Seorang teman bercerita kepada saya: Aku telah pergi berziarah kepada Sidi As-Syeikh Al-Kamil Syamsuddin At-Tabrizi رضي الله عنه وأرضاه, selepas beliau aku berziarah pula kepada murid sejatinya yaitu Sidi Maulana Jalaluddin Ar-Rumi رضي الله عنه وأرضاه.

Mereka berdua bertempat di kota Konya. Untuk ke sana aku telah menaiki bas dari Istanbul, perjalanan sepuluh jam itu akhirnya menyampaikan kami ke kota ini yang identik dengan budaya warisan Islamnya yang istimewa serta nuansa pentakziman mereka kepada para awliya dan solihin.

Jarak antara antara dua makam mereka tidak lebih dari 1000 meter… bahkan kurang dari itu.

Aku dapati suasana antara dua makam itu amat jauh beza... suasana di makam sang syeikh penuh kehebatan, ketenangan, zikir, tafakkur, muroqobah, renungan…

di makam ini tiada keadaan sesak dan hanya dimasuki oleh penziarah Muslim sahaja.

Aku lihat sepotong ayat suci tertulis di dinding masjid bersebelahan makam :

فَانظُرْ إِلَى آثَارِ رَحْمَتِ اللَّهِ

"...maka kau lihatlah kepada kesan rahmat Allah..." Ar-Rum: 50

Aku pun menangis dan terus menangis dek keagungan ayat ini… dulu aku membaca tapi tak memahaminya.

Sekarang baru ku faham dan seluruh jiwaku terkesan… aku diselubungi *wajd*, *hal* dan kegembiraan.

Betapa zaman dahulu keagungan Islam dan hal penganutnya dalam memahami kitab ALLAH yang mulia dengan takzim dan adab yang setinggi-tingginya… adab dan terus adab.

Adapun si murid sejati dan khalifah pengganti sang syeikh yaitu Maulana Jalaluddin… semua orang yang berbagai bangsa pergi menziarahinya… bahkan yang aku perhatikan ialah penziarahnya yang non-Muslim lebih ramai dan jumlah mereka lebih besar dari penziarah Muslim….

Aku jadi terkesima dan takjub… aku menangis dan hampir menjerit.

Semua orang datang berziarah dengan gembira…

dengan sikap penghormatan dan adab… namun suasana di situ tiada ketenangan dan kehebatan.

Aku ingin memahami dan memahami… baiklah dan tak mengapalah kalau beliau sendiri mengkehendaki itu… namun apa sirrnya keadaan ini.

Lalu aku lihat ada satu mutiara kata Maulana yang tergantung di situ… kata beliau:

"ALLAH mencintai sikap takzim dan kasihan belas kepada semua makhluk ciptaan ALLAH".

Di situ tahulah aku… dan sukanya hatiku dengan dengan berbagai *masyrab* (minuman/citarasa) kesufian yang robbani, nurani dan Muhammadi.

Aku pun mengujar sepertimana yang dikatakan oleh para pendahulu: Setiap syeikh yang kamil lagi washil dan maushul itu ada jalannya yang tersendiri.

Allahumma Robbana kurniailah aku kemanfaatan, kemuliaan dan peningkatan dengan syeikhku, tuanku, sanadku, sumber nikmatku lagi murobbi rohani dan jasmaniku… Allahumma amin.



Belajar & Memahami Dari Isyarat -4

23 September 2013

Allahu Robbuna Subhanahu wa Taala yang kita cintai telah berfirman mengenai hak kekasihNya lagi Al-Musthofa dan Al-MukhtarNya Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم dalam surah Al-Ahzab… sebagai mengagungkan, meninggikan dan memuliakan… dan mempertahankan Baginda صلى الله عليه وسلم:

مَّا كَانَ عَلَى النَّبِيِّ مِنْ حَرَجٍ فِيمَا فَرَضَ اللَّهُ لَهُ

Tidaklah ada sebarang keberatan yang ditanggung oleh Nabi dalam melaksanakan perkara yang telah ditetapkan ALLAH baginya…" Al-Ahzab: 38

Baginda صلى الله عليه وسلم itu manusia… akan tetapi Baginda صلى الله عليه وسلم bukan seperti manusia biasa.

Cukuplah… cukuplah… demi ALLAH sudah cukuplah itu.



Idea -1

13 Oktober 2014

Yang ku maksudkan dari kosakata idea ialah fikiran yang ringkas namun terbit dari hati sanubari. Maksudku idea itu penuh dengan makna dalam acuan ayat-ayat yang ringkas saja. Contoh :

Allahu Robbuna berfirman dalam kitabNya yang mulia telah berfirman :

لِيَسْأَلَ الصَّادِقِينَ عَن صِدْقِهِم

"Supaya Dia (Allah) menanyakan kepada golongan sodiqin tentang kejujuran mereka"....

dalam kehidupan mereka dengan orang kafirin bagaimana.

Dalam satu ayat lagi Dia berfirman :

لِيَجْزِيَ اللَّهُ الصَّادِقِينَ بِصِدْقِهِمْ

"Supaya Dia (Allah) memberi ganjaran kepada golongan sodiqin dengan kejujuran mereka itu"….

dalam kehidupan mereka bersama orang munafiqin.

Apa maksudnya ini ????..... (dari awal hingga akhirnya tetaplah ALLAH yang lebih mengetahui kehendakNya)

Di tiap zaman ia punya makna yang tersendiri …. di tiap tempat ia punya makna yang tersendiri

dengan tiap peribadi ia punya maknanya yang tersendiri… silakan menambah lagi, terus menambah tanpa ada hujung angkanya.

Allahumma Robbana Jadikanlah kami para abdi ihsan, budi, kasih, mahabbah dan kemanjaanMu… Allahumma amin.



Idea -2

13 Oktober 2014

Sudah sampai waktunya untuk menulis dan mereka kena menulis…. tulislah sebanyak-banyaknya bagi ayohai sodiqin, muhibbin, orang-orang baik dan para pendokong kemanusiaan yang punya kasih sayang.

Tulislah dan siarkanlah kemuliaan dan akhlak insani.

Sebelum ini sudah pihak-pihak itu telah menulis dengan sebanyak-banyaknya… pihak-pihak fasik, ahli kemunafikan, warga kekufuran dan yang tak percaya Tuhan.

Mereka telah menulis, mereka telah mengacau bilaukan, mempermainkan, mengubah-ngubah, mempengaruhi, menjungkir balik kebenaran dan mereka telah menyebarkan kebejatan dan dusta.

Tuan-tuan tulislah tentang keindahan dan kesempurnaan Islam, Iman dan Ihsan hatta walau diri

tuan-tuan masih belum tahqiq lagi dengannya

hatta walau diri tuan-tuan masih belum mempraktiskannya…

Tulislah dan sertailah dengan penuh kekuatan, dengan cara yang berkesan dan dengan produk yang besar.

Sebarkanlah kebaikan akhlak dan kemuliaan akhlak hatta walau diri tuan-tuan masih lagi jauh dari akhlak-akhlak itu.

Allahu subhanahu wa taala Maha Berkuasa mengubah kita dari keadaan yang sekarang kepada sebaik-baik keadaan yang padanya ada redhoNya dan redho kekasih lagi pilihanNya Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah.

Allahumma terimalah kami walau bagaimana kami ini… Allahumma amin.



Idea -3

13 Oktober 2014

Seorang kawan berkata pada saya :Satu hari saya bermimpi Sidna Syeikh, beliau mengujar padaku:"Kamu kena mengaji pelajaran lain dalam makna wazifah yang lain

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ

"Demi sesungguhnya orang-orang beriman itu bersaudara".

(Bangun tidur) saya pun membuka mashaf lalu mendapati ayat ini bernombor 10 dalam Surah Al-Hujurat :

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

"Demi sesungguhnya orang-orang beriman itu bersaudara maka hendaklah kamu damaikan antara dua saudaramu (yang bertelagah), dan hendaklah kamu taqwa kepada ALLAH moga-moga kamu dirahmati".

Ujar kawan saya : Aku dapat banyak faedah dan kefahaman yang ajaib dari situ.

Saya pun membalas : Silakanlah bicara, saya sedia mendengarkannya.......

Allahumma Robbana hidupkanlah hati kami dari mati akibat putus hubungan... Allahumma amin.



Idea -4

13 Oktober 2014

Waktu masih anak kecil saya tersalah faham membaca bait syair ini :“*Siapa menuntut ketinggian...pastinya akan berjaga malam*”

Saya sangka kaedah ini umum untuk tiap orang yang bersungguh-sungguh dan berusaha gigih.

Bila sudah dewasa ... baru saya tahu makna ini khas untuk ahli khusus dan ikhtisas kalangan warga kewalian. Contohnya si wali fulan dalam ungkapannya

> *“Ku tanggung derita malam berkepanjangan... ertinya keletihan aku berlama-lama berjaga malam tak tidur demi mengerjakan zikir, solat, ibadat dan tafakkur....”*

ALLAH Robbuna dalam Al-Quranul Karim Surah Al-Muzzammil ayat 6 berfirman :

إِنَّ نَاشِئَةَ اللَّيْلِ هِيَ أَشَدُّ وَطْءًا وَأَقْوَمُ قِيلا.

"Sesungguhnya bangun (mengerjakan ibadat) malam hari terlebih mantap dan bacaannya lebih berkesan"

Sebelum kamu nak mengingkari ahli zikir warga sufi... cubalah sekadar berjaga satu malam dari solat Magrib sampai solat Isyraq diisi dengan zikir, solat, ibadat dan tafakkur.

Kalau mampu kamu bangun dan menghidupkan satu malam... berhaklah kamu nak mengingkari kami.

Allahumma kami mohon lindunganMu dari dicabut pemberian selepas menerima kurnia.... ya Arhamar Rohimin.



Idea -5

16 Oktober 2014

Kalau kita tilik kalimat (أرسلناك = Kami mengutusmu) dalam Al-Quranul Karim kitab yang benar lagi agung yang sudah tentunya firman ini tentang Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم nescaya kita akan dapati ianya telah disebut sebanyak 13 kali.

Rahmat

1 – (وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلاَّ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ).

"Dan tidaklah kami mengutusmu melainkan untuk menjadi rahmat kepada semesta alam"

Rasul (tentang perutusan Baginda) :

2 – (وَأَرْسَلْنَاكَ لِلنَّاسِ رَسُولاً).

"Dan Kami telah mengutusmu kepada umat manusia sebagai Rasul"

3 – (كَذَلِكَ أَرْسَلْنَاكَ فِي أُمَّةٍ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهَا أُمَمٌ لِّتَتْلُوَ عَلَيْهِمُ الَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ).

"Dan demikianlah kami mengutusmu kepada satu umat yang telah berlalu sebelum mereka umat-umat terdahulu supaya engkau membacakan kepada mereka apa yang Kami wahyukan kepadamu"

Sebagai menggembirakan dan amaran

4 – (إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا)

"Sesungguhnya Kami telah mengutusmu dengan kebenaran sebagai menggembirakan dan amaran"

5 – (وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلاَّ كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لا يَعْلَمُونَ).

"Dan tidaklah kami mengutusmu melainkan kepada keseluruhan manusia sebagai menggembirakan dan amaran, akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui"

Sebagai pembawa berita gembira dan amaran :

6 – (وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلاَّ مُبَشِّرًا وَنَذِيرًا).

“Dan tidaklah kami mengutrusmu melainkan sebagai pembawa berita gembira dan amaran”

7 – (وَبِالْحَقِّ أَنزَلْنَاهُ وَبِالْحَقِّ نَزَلَ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلاَّ مُبَشِّرًا وَنَذِيرًا).

“Dan dengan kebenaran Kami telah turunkan ia dan tidaklah Kami mengutusmu melainkan sebagai pembawa berita gembira dan amaran”

Sebagai saksi, pembawa berita gembira dan amaran (tentang hak kenabian) :

8 – (يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَاهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا)

“*Ayohai Nabi! Sesungguhnya Kami telah mengutusmu sebagai saksi, pembawa berita gembira dan amaran”*

9 – (إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَاهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا).

“Sesungguhnya Kami telah mengutusmu mengutusmu sebagai saksi, pembawa berita gembira dan amaran”

Sebagai penjaga

10 – (مَّنْ يُطِعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ وَمَن تَوَلَّى فَمَا

أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا)

“Barangsiapa mentaari Rasul sesungguhnya dia telah mentaati ALLAH dan barangsiapa berpaling maka tidaklah Kami mengutusmu ke atas mereka sebagai penjaga”

11 – (فَإِنْ أَعْرَضُوا فَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا إِنْ عَلَيْكَ إِلاَّ الْبَلاغُ).

“Lalu jika mereka berpaling maka tidaklah Kami mengutusmu ke atas mereka sebagai penjaga, tiada yang menjadi kewajibanmu selain menyampaikan”

Sebagai wakil (pemegang amanah) :

12 – (رَّبُّكُمْ أَعْلَمُ بِكُمْ إِن يَشَأْ يَرْحَمْكُمْ أَوْ إِن يَشَأْ يُعَذِّبْكُمْ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ وَكِيلاً)

“Tuhanmu lebih mengetahui tentang dirimu semua, jika Dia mahu Dia boleh merahmatimu dan jika Dia mahu dia boleh mengazabmu sekalian dan tidaklah kami mengutusmu sebagai wakil penjaga mereka”

Jika kita renungi ayat-ayat suci ini :

1- Nescaya kita ketahui terdapat banyaknya

hakikat pentakziman terhadap keagungan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasul termula dan Nabi termegah ini صلى الله عليه وسلم.

2- Dengan merenunginya juga pasti kita dapat memahami begitu banyak soal keislaman, keimanan dan keihsanan dengan method yang melampaui jangkauan diskripsi dan gambaran manusiawi yang biasa.

3- Nescaya pastilah kita mengetahui dengan makrifat nan yakin bahawa Allahu Robbuna سبحانه وتعالى telah mengurniai Saiyidina wa Maulana Junjungan Nabi -semasa hayat Baginda dan selepas pemergiannya- telah mengurniai Baginda segala-galanya beserta hak melakukan tindakan dan pemantapan, menerima dan menolak, ALLAH juga telah meredhokan Baginda, mencukupinya, meningkatkannya dan mensucikannya lebih tinggi dari segala sifat, akal, fikiran dan fantasi yang mungkin boleh dicapai, atau difahami, atau dinukilkan, atau ditulis oleh ahli bumi dan segala langit

Lihatlah kepada keagungan Tuhan kita yang Maha Agung سبحانه وتعالى pada pengagunganNya, pada kelembutanNya dan pada kesantunanNya terhadap Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم.....

Selepas itu : ALLAH سبحانه وتعالى mengajar kita lalu apakah kita belajar ???? Apakah kita beradab, kita beriman dan kita pelajari mahabbah kepada Saiyidina Baginda Nabi صلى الله عليه وسلم

Selawat dari Tuhan kiata yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang pada tiap waktu ke atas penghulu kewujudan dan penyebab bagi segala yang diadakan Saiyidina wa Maulana Muhammad Nabi dan Rasul

صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ
وَسَلِّم تَسلِيماً كَثِيرًا كَثِيرًا كَثِيرًا.



Idea -6

20 Oktober 2014

Aku dengar dari Sidna Syeikh Abdun Nasir رضي الله عنه وأرضاه, kata beliau :

Takjub aku pada orang yang mengingkari amalan bertawassul dengan Saiyidina wa Maulana Nabi kita صلى الله عليه وسلم.

Bagaimana si pengingkar itu terlepas pandang…

tak membacakah dia ayat ke 97 dalam Al-Quranul Karim di Surah Saiyidina Yusuf عليه الصلاة والسلام

(قَالُواْ يَا أَبَانَا اسْتَغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا إِنَّا كُنَّا خَاطِئِينَ)

"Mereka berkata : Ayohai ayahanda kami, mintalah ampun (kepada Allah) atas dosa-dosa kami, sesungguhnya kami semua bersalah"

Terlepas pandangnya dia bagaimana adik beradik Saiyidina Yusuf telah meminta kepada ayahanda

mereka… bukan minta terus kepada Allah.

Saiyidina Yaakub pula tidak mengingkari mereka… bahkan jawab baginda kepada mereka :

(قَالَ سَوْفَ أَسْتَغْفِرُ لَكُمْ رَبِّيَ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ).

"Aku akan mintakan ampun bagi kamu sekelian kepada Tuhanku, sesungguhnya Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang"

Al-Quranul Karim menyatakan kejadian itu kepada umat Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم untuk menarik perhatian kita, hati kita, pendengaran kita, rohani kita… dan segala-galanya pada diri kita.

Jika beginilah halnya dengan Saiyidina Yaakub عليه الصلاة والسلام….. lalu bagaimana pula dengan imam para anbiya' dan penghulu mereka عليه أفضل صلاة وأكمل سلام.

Maka hendaklah kamu bertawassul… hendaklah kamu tawassul… hendaklah kamu bertawassul dengan Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم.



Idea -7

20 Oktober 2014

Saya dengar dari Sidna Syeikh Abdun Nasir رضي الله عنه وأرضاه ونفعنا به , kata beliau :

Al-Quranul Karim adalah nur dan segala cahaya… di dalamnya ada segala-galanya… tapi kenyataan ini adalah khas bagi mereka yang bersama ahli zikir… dan dia dari golongan yang banyak berzikir mengingati ALLAH dengan zikir yang sebanyak-banyaknya.

Dan dia dari golongan *ahyaa*' (yang hidup) bukan dari golongan *amwaat* (yang mati)… mereka yang hatinya bercahaya dan suci.

Sidna selanjutnya mengujar : Saya takjub pada orang yang mengingkari awliya tentang soal kewalian dan dampingan mereka kepada Tuhan.

Contohnya bila ada kalangan awliya رضوان الله عليهم أجمعين yang berkata : "***Hatiku berkata kepadaku dari Tuhanku…***"

Ini dibantah oleh pengingkar, lalu dimanakah si pengingkar terhadap firman Tuhan kita سبحانه وتعالى dalam Surah An-Nahl ayat 68 :

(وَأَوْحَى رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنِ اتَّخِذِي مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا وَمِنَ الشَّجَرِ وَمِمَّا يَعْرِشُونَ).

"Dan Tuhanmu telah mewahyukan kepada lebah : Jadikanlah gunung-ganang dan pepohonan sebagai rumah-rumahmu dan juga dari bangunan-bangunan yang didirikan manusia"

Apakah Tuhan kita me"wahyu"kan kepada lebah ??? Iya… dan iya

dan juga kepada semua yang dikehendaki oleh Tuhan kita عز وجل.

Siapa kamu, siapa aku dan siapa kita untuk mengingkari ini dan itu...



Idea -8

21 Oktober 2014

Aku dengar dari sanad dan Junjungan kami Sidna Syeikh Abdun Nasir رضي الله عنه وأرضاه ونفعنا به berkata :

Takjub aku dengan orang yang membaca dua ayat ini dalam kitab Robbina Al-Quranil Azhim :

فَإِنَّمَا يَسَّرْنَاهُ بِلِسَانِكَ لِتُبَشِّرَ بِهِ الْمُتَّقِينَ

"Maka sesungguhnya Kami telah memudahkannya dengan lisanmu agar engkau memberi berita gembira dengannya kepada mereka yang bertaqwa"

فَإِنَّمَا يَسَّرْنَاهُ بِلِسَانِكَ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ

"Maka sesungguhnya Kami telah memudahkannya dengan lisanmu mudah-mudahan mereka mengambil peringatan"

...dia membaca kedua ayat ini tapi tak memahami bahawa kalaulah bukan kerana Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم yang telah membaca Al-Quranul Karim dengan lisan Baginda yang mulia صلى الله عليه وسلم

nescaya selama-lamanya takkan ada seorang pun yang mampu untuk membacanya atau menghafaznya atau memahaminya atau mengajinya atau mempelajarinya.

Lalu tak mahukan kita mengetahui… dengan ilmul yakin… dan dengan nur *haqqul yaqin* bahawa Junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم adalah segala-galanya dalam hidup kita, dalam akhirat kita, di padang mahsyar dan di hari kita dibangkitkan… pada jasad kita, pada roh kita… segala-galanya.

Maka ayohlah…ayohlah kita mentakzim Baginda dengan pengagungan yang sempurna dan menyeluruh.

Allahumma Robbana tambahkanlah kami akan cinta, takzim, rasa hebat dan berbakti kepada Baginda صلى الله عليه وسلم Allahumma amin ya Robbal alamin.



Bicara Seorang Syeikh Kamil

19 Mei 2012

بسم الله الرحمن الرحيم. وصلى الله على سيدنا ومولانا محمد رسول الله. صلى الله عليه وعلى آله وأصحابه وسلم تسليما الى يوم الدين.

Saudara saudari, tuan puanku yang terhormat. السلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

Segala puji-pujian bagi ALLAH Tuhan Semesta Alam yang telah menerangi hati para Awliya'Nya dengan limpahan mahabbah dariNya. ALLAH mengistimewakan mereka dengan kurnia hakikat makrifatNya. ALLAH membenarkan mereka memimpin para hambaNya untuk sampai kepadaNya Subhanahu wa Taala. Selawat dan salam ke atas Penghulu Agung dan Rasul Mulia Saiyidina wa Maulana Muhammad Ar-Rasul صلى الله عليه وسلم yang

telah pun menjadi nabi sedangkan Saiyidina Adam عليه السلام masih antara air dengan tanah.

Bagindalah yang telah bersabda:

أنا سيد ولد آدم ولا فخر

"Aku adalah penghulu anak keturunan Adam tanpa rasa bangga".

Bingkisan selawat, salam, tahiyyat dan keberkatan dari Robbi buat Baginda dan semoga ALLAH merezekikan kita madadnya di dunia dan syafaatnya di Akhirat sana. Allahumma amin.

Allahumma Robbana… Allahumma Robbana… Allahumma

رَّبَّنَا إِنَّنَا سَمِعْنَا مُنَادِيًا يُنَادِي لِلإِيمَانِ أَنْ آمِنُواْ بِرَبِّكُمْ فَآمَنَّا رَبَّنَا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرْ عَنَّا سَيِّئَاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ الأبْرَارِ

"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mendengar seorang penyeru (Rasul) yang menyeru kepada iman, katanya: "Berimanlah kamu kepada Tuhan kamu", maka kami pun beriman. Wahai Tuhan kami, ampunkanlah dosa-dosa kami, dan hapuskanlah daripada kami kesalahan-kesalahan kami, dan matikanlah kami bersama orang-orang yang berbakti"- Aali Imran: 193

Amin … Amin … Amin … Amin

As-Syeikh Al-Kamil Sidi Ali Al-Khawwas Al-Barlasi -semoga ALLAH meredhoinya dan mengurnia kita manfaatnya- adalah seorang ummiy yang tidak membaca dan menulis, pun begitu yang menjadi murid, teman dan khadamnya adalah As-Syeikh Al-Kamil Sidi Abdul Wahhab As-Sya'rani -semoga ALLAH meredhoinya dan mengurnia kita manfaatnya-.

Sidi As-Sya'rani amat berbangga berguru dengan gurunya ini, beliau berbangga bahawa gurunya inilah murobbi dan syeikhnya serta pada tangannyalah beliau beroleh futuh. Sidi As-Sya'rani sentiasa menyebut-nyebut bicara gurunya itu.

Diantara kata-kata Sidi Ali Al-Khawwas -semoga ALLAH meredhoinya, semoga ALLAH meredhoi syeikhku dan seluruh masyaikh yang kamil serta mengurnia kita manfaat mereka dunia akhirat, Allahumma amin- :

Penyakit akal; berjaga-jaga

Penyakit Iman; keingkaran

Penyakit Islam; alasan itu dan ini

Penyakit amal; kebosanan

Penyakit ilmu; nafsu

Penyakit hal; rasa aman

Penyakit orang arif; menzahir diri

Penyakit logika; melampau
Penyakit mahabbah; syahwat
Penyakit tawadhu'; hina diri
Penyakit sabar; pengaduan
Penyakit menyerah; melampau-lampau
Penyakit kaya; ketamakan
Penyakit mulia; kesombongan
Penyakit berbudi; berlebih-lebihan memberi
Penyakit pengangguran; fakir
Penyakit kasyaf; bercakap
Penyakit mengikut; takwil
Penyakit adab; tafsir
Penyakit berdamping; merebut
Penyakit faham; berbantah-bantah
Penyakit murid; diam-diam ceroboh maqam
Penyakit mengambil manfaat; memanjat
Penyakit futuh; berpaling
Penyakit ahli fiqih; menyingkap tabir
Penyakit jalan; sangka-sangkaan
Penyakit dunia; loba menuntutnya
Penyakit Akhirat; berpaling darinya

Marilah sama-sama kita renungi gugusan ilmu yang penuh manfaat dan makrifat bersifat kurnia Ilahi yang terkandung dalam untaian kalimat nan indah lagi mengidentifikasi segala yang ada pada diri kita, menjelaskan segala permasalahan kita serta memberi segala solusinya.

Zaman sekarang mereka yang bernama ulama besar pun tak mampu mengungkap kata seperti ini, begitulah halnya dengan mereka yang menggelar diri sebagai pakar rundingcara, ahli kebijaksanaan dan jaksa pendamai dari timur dan barat, dari Arab dan Ajam, dari muslim dan bukan muslimnya.

Saudara saudari pembaca,

Umat memerlukan ulama'ul 'amilin, awliya yang muqorrobin dan masyaikh yang kamil demi memimpin tangan kita semua menuju kebahagiaan dunia dan keselamatan Akhirat.

Saya mohon pada semua, janganlah membenarkan siapa saja yang mahu memutuskan hubunganmu dengan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم yang datang dengan berbagai cara di zaman ini seperti memutuskan hubungan kita dengan junjungan para awliya yang besar, para masyaikh yang kamil -semoga ALLAH meredhoi mereka sekalian- Bagaimanakan mereka mengingkari Tasawuf sedang mereka tidak tahu apa itu tasawuf dan tidak merasainya sama sekali.

Bagaimanakan mereka mengingkari Tasawuf sedang mereka tidak menuntut Tasawuf dari ahlinya bahkan mendengar tentangnya dari orang-orang sakit. Bagaimanakan mereka mengingkari Ilmu Tasawuf sedang mereka tidak kenal huruf-huruf Tasawuf, tidak kenal usulnya, tidak kenal cabangnya, tidak kenal kod-kodnya, tidak kenal perasaannya tidak kenal zauqnya, tidak kenal akhlaknya, tidak kenal adabnya, tidak kenal seninya, tidak kenal maksudnya, tidak kenal tujuannya, tidak kenal mujahadahnya, tidak kenal pengorbanannya, tidak kenal nasihatnya, tidak kenal hikmahnya, tidak kenal buahnya.

Saya mohon saudara-saudari fahami perkara ini masak-masak.Pihak musuh tahu bahawa perbendaharaan kita, rahsia kekuatan dan kebangkitan kita ialah apabila kita bersambung nasab, berhubung dan terhubung dengan Junjungan kita Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم. Kerana itu mereka melakukan segala yang mungkin demi memutuskan hubungan ini supaya kita tidak punya lagi pemimpin, tidak punya lagi Imam yang sifatnya basyir dan nadzir, kita tidak punya lagi madad (bantuan rohani) dan hubungan sama sekali.

Natijah paling segera, jalan termudah dan kesan paling kuatnya ialah apabila mereka memutuskan hubungan kita dengan ahlis sanad yang merupakan golongan sufi yang muhaqqiqin para masyaikh yang kamil sempurna lagi menyempurnakan.

Caranya; melempar berbagai warna tuduhan, memalsukan perkataan itu dan ini yang menyalahi zahir syarak keatas golongan sufi supaya masyarakat lari dari ahli makarimul akhlak dan para ulama robbani kalangan ahli sufi yang muhaqqiqin.

Demikian juga merekrut golongan pengkhianat dan mata-mata gelap ke dalam golongan sufi yang benar, menzahirkan para syeikh pendusta yang mendakwa dakwi dan para tok guru upahan lagi dajal. Kerana sebelum kemunculan Dajjal Al-Akbar menjadi kemestian bahawa dia didahului oleh kumpulan dajal-dajal kecil yang membuka jalan untuknya dengan cara menzahirkan kebatilan dalam rupa kebenaran. Sememangnya kalimat dajal itu bererti merupakan kebatilan dalam gambaran kebenaran.

Lalu pihak musuh pun memberi propaganda besar-besaran kepada pihak mereka; publisiti meluas di tiap peringkat dan media massa, dan semua pun memberi dokongan kepada pihak mereka kerana pihak inilah contoh ikutan dan yang lain semua ahli neraka… bahawa lagi pihak inilah yang membawa aqidah murni dan tulen serta tauhid yang soheh.

Dengan cara itu orang-orang jahil dan berakal ringan pun menjadi pak turut mereka… aduh alangkah malang nasib dan pedihnya luka di hati… rencana kaum orientalis, misionaris dan penjajah yang mengejek-ngejek dan memperleceh [kita] pun

berjaya. Mereka benar-benar telah mencapai semua target perancangan mereka. Walaupun sekarang mereka yang merancang telah pergi atau lemah namun mereka telah meninggalkan para pengikut dan penerus perjuangan yang dengan gigihnya berkerja keras memusnahkan agama melalui penciptaan agama baru, mereka memaksa orang Islam menyebarkan "agama" ini di tengah masyarakat Islam… mereka perangi Agama Islam dan Junjungan kita Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم.

Dengan cara itu mereka telah memutuskan hubungan kita dengan kekasih kita, pensyafaat kita, Rasul kita, Nabi kita Saiyidina Muhammad -semoga ALLAH mengurnia selawat dan salam keatas Baginda dan semua Ahlul Baitnya, sahabatnya, isteri-isterinya, para pewarisnya dari kalangan umatnya, semoga keatas Baginda tercurah selawat paling afdhal dan salam yang terbaik-.

Sesudah itu, dan ketika medan kita kosong dari para rijal (tokoh hakiki) = para masyaikh yang kamil, sedangkan sebenarnya mustahil dunia akan kosong dari mereka, hanya sanya secara simbolik kita menyebutnya…

Sesungguhnya ALLAH تبارك وتعالى telah menjamin penjagaanNya ke atas agama ini, inilah agama yang Dia redho untuk kita, inilah aqidah kita, inilah tauhid kita yang takkan kita tukar atau ubah sekali-kali dan tetap

kita pertahankan hinggalah kita mengadap ALLAH Subhanahu wa Taala dalam keadaan ALLAH meredhoi kita semua ya umat Baginda Rasulullah, ya umat Kekasih Allah, ya umat sebaik-baik ciptaan ALLAH…

Aduh malangnya bagi sang hati keras, hati yang kering kontang dari cinta kepada ALLAH dan RasulNya… [Sesudah itu, dan ketika medan kita kosong dari para rijal (tokoh hakiki) = para masyaikh yang kamil] maka kita pun mengambil hikmah, Islam dan Iman dari orang bukan Islam, kita berbangga-bangga dengannya, kita mendokumentasi ambilan [moden kita] itu lalu berhabis-habisan menerbitkannya dalam kualiti cetakan paling bermutu di lokasi paling mewah, boleh diedarkan di mana saja, boleh didapati di semua kedai buku kecil dan besar… adapun kitab-kitab karya para junjungan Sufiyyah yang merupakan kegemilangan Islam, roh Iman dan intipati rahsia Ihsan dilarang beredar, hanya dapat dijual sembunyi-sembunyi di pasar gelap.

Apakah situasi ini sesuatu yang tiada salahnya wahai umat Islam? … Apakah situasai ini yang kamu redhoi wahai manusia-manusia waras di dunia?... Apakah situasi ini sesuatu yang soheh wahai para pemikir umat dan dunia antarabangsa?

Dan kita telah pun sampai ke peringkat fatwa yang menghukum haram, kufur dan syirik mengahwini perempuan sufi, adapun perempuan

lain semuanya halal dikahwini .... Tolonglah, hukum apa ini???? Apa dah jadi dengan umat yang difirmankan ALLAH تبارك وتعالى :

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ. وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُم مِّنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ

"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala yang baik dan melarang daripada segala yang salah mungkar, serta kamu beriman kepada ALLAH (dengan sebenar-benar iman), dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya) tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik" Aali Imran: 110

dan jadilah kaum Muslimin permainan elektronik yang dapat di"remote control" oleh mereka bila masa yang mereka suka dan tikamana mereka mahu mencapai tujuan-tujuan mereka.

Formulasi mereka sudah termasyhur; pecah belahkan orang Islam, timbulkan fitnah dan berbagai kumpulan di kalangan mereka dengan itu kamu dapat menguasai mereka mengikut kehendakmu.

Divide and Rule!.

Sekarang apakah kita akan sedar dan bangkit sebelum terlambat?!

ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم وحسبنا الله ونعم الوكيل. وصلى الله على سيدنا مولانا وسندنا وشفعينا محمد رسول الله صلى الله عليه وسلم وعلى آله وصحبه وسلم تسليما كثيرا إلى يوم الدين. سبحان ربك رب العزة عما يصفون وسلام على المرسلين والحمد لله رب العالمين.

MAAF: Artikel ini hanya diuntukkan bagi mereka yang mahu mengerti hakikat

dan mahu menangisi hal diri sendiri.



Kalam Tentang Tasawuf & Kaum Sufi

14 Mac 2014

Amat penting untuk saudara mengetahui hakikat ini. Seorang penuntut hakikat tasawuf takkan menemui *kaifiyyat* (cara)nya melainkan dari ahlinya…iaitu dari *ahlil kamal* dan *wishol*.

Seorang penuntut takkan terbantu dalam pencariannya melainkan dengan kaifiyyat… adapun di sisi ahlinya kaifiyyat itu sudah sedia adanya dan menyusul… Cuma orang yang tidak punya subjek yang dicari takkan dapat memberinya kepada orang lain.

Adapun kaifiyyat kesufian jika sudah diperolehi maka ia takkan berguna tanpa menurut kaedah-kaedah para masyaikhnya yang *ahlul kamal* dan *wishol*.

Kerana kaifiyyat itu punya usul/dasar yang memeliharanya… tanpa usulnya maka jadilah ia kaifiyyat yang putus dari sumber lagi tak punya tapak

tempat berpijak.

Dari sini kita kita dapat menyimpulkan hakikat bahawa :

Para Junjungan Masyaikh Sufi warga Tasawuf Ahlus Sunnah Wal Jamaah adalah sosok-sosok peribadi yang paling tangguh dalam membimbing tabiat nafsu manusiawi dan memurnikannya dari akhlak-akhlaknya yang tercela… dan mereka jugalah yang paling dapat membimbing segala *khawatir* (lintasan jiwa) dan mengawalnya.

Pada kebanyakan ahwal para masyaikh sufi tabiat mereka bertukar dari manusiawi kepada malaikat -ini merupakan keistimewaan mereka yang tak dapat diengkari- dan orang lain tidak dapat melakukan seperti mereka.

Kerana sesungguhnya jiwa-jiwa mereka bergantungan dan terbang… adapun jasad mereka kurus dan lusuh. Hati mereka menanggung rindu dan terbakar… perasaan *wajd* kepada ALLAH سبحانه وتعالى telah menguasai diri dan menawan seluruh anggota dan sendi mereka.

Seluruh anggota tubuh mereka penuh dengan cinta Allah…terisi padat dengan cahaya dampinganNya. Sinar keriangan mahabbah terlimpah… dan terlihat ciri-ciri makrifat pada mereka.

Allahumma Robbana *tahqiq*kanlah hamba dengan

segala hakikat para Junjungan Masyaikh Sufi dari segala pencapaian sejati tentang hakikat-hakikat dampinganMu, juga martabat-martabat wushul dan keberuntungan beroleh cinta, keistimewaan terpilih di sisiMu, *khususiyyah, ishtina*' dan *as-sibghotul `uzhma*.



Ilmu *Suluk Al-Haq* & Menghindari Yang Bathil

18 Mac 2014

Ilmu *Suluk Al-Haq* (Didikan Yang Benar) & Menghindari Yang Bathil. Ilmu ini ialah mengenai makrifat pengetahuan tentang hal ehwal manusia… ehwal ahli kebenaran dibanding ahli kebatilan.

Ehwal golongan *naqis* (kurang) dibanding golongan kamil (sempurna)… ehwal golongan menyeleweng dibanding golongan lurus...

dan mensyukuri ALLAH Subhanahu wa Taala atas nikmatNya yang teramat banyak lagi tak terhitung dan tak terkira serta menghargai keafiatan kurniaanNya dari tertimpa bala yang berlaku pada ramai hambaNya yang lain.

Adapun bidang ilmu ini haram disentuh oleh orang yang mahu mengeruhkan hubungan sesama manusia demi mencapai tujuan jahatnya… atau kerana

menyokong aliran hawa yang diikut… atau kerana taksub buta dan asabiyyah tidak kira apa rupa bagai, apa jenis dan apa warnanya; baik kerana suku kaum, kabilah, bangsa maupun parti.

Ilmu ini dibolehkan bahkan mustahab hukumnya lagi dikehendaki dan patut dituntut bagi orang yang mahu berjaga-jaga dari terjebak dalam pelbagai masalah dan perangkap… terjatuh dalam kesilapan dan musibah….

sama sekali bukan untuk orang yang mahu mempermalu orang lain, memecah-belah, memisah-misah, menganak tiri dan meniru yang buruk… lalu menjadikannya sebagai bahan tontonan dan bualan… bukannya makrifat dan pengajaran

bukan untuk siapa yang menyelak tabir orang lain dengan niat yang tidak baik… demikianlah setiap amalan itu dikira dari niatnya dan setiap orang akan mendapat balasan seperti niatnya

Ilmu yang dibicarakan oleh golongan khawas dan khawasul khawas kalangan umat ini bertujuan supaya :

menjadi pencerahan dan petunjuk… kepada penuntut hidayah dan kebenaran di akhir zaman

menjadi mikraj (pendakian dan pencapaian) kepada makrifat (pengetahuan) tentang apa kehendak ALLAH Tabaroka wa Taala ke atas hamba-hambaNya dalam berbagai tuntutan mereka, ikatan mereka, iqtikad

mereka dan ahwal mereka

dan supaya dengannya bangunlah diri seorang murid (penuju Allah) lalu nanti akan bertemu Tuhannya Subhanahu wa Taala dengan `ubudiyyah, bahkan dengan `ubudiyyah yang murni, bahkan dengan kejujuran dalam `ubudiyyah

lalu dengan itu sejuklah mata si murid dapat bertemu Tuhannya dan kekasihnya yang teragung

dan dapat si murid menghindar diri dari mereka yang zahir penyelewengannya dari jalan ahlul haq, jalan ahli kebenaran dan ahli wishol…

[dengan ilmu ini] dapat si murid mengetahui berbagai zauq manusia… dan segala hakikat dari ahwal mereka.



Al-Qasidah Ar-Ra`iyyah Bicara Perjalanan Tarbiyyah Sufi Oleh Para Masyaikh Kamil

-رضوان الله عليهم ونفعنا الله بهم-

14 Mei 2012

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته. وصلى الله على سيدنا ومولانا محمد رسول الله. صلى الله عليه وعلى آله وأصحابه وسلم تسليما الى يوم الدين.

Saudara saudari, tuan puanku yang terhormat.

Segala puji-pujian bagi ALLAH Tuhan Semesta Alam yang telah menerangi hati para awliya'Nya dengan limpahan mahabbah dariNya. ALLAH mengistimewakan mereka dengan kurnia hakikat makrifatNya, ALLAH membenarkan mereka memimpin para hambaNya untuk sampai kepadaNya Subhanahu wa Taala.

Selawat dan salam ke atas Penghulu Agung dan Rasul Mulia Saiyidina wa Maulana Muhammad Ar-Rasul صلى الله عليه وسلم yang telah pun menjadi nabi sedangkan Saiyidina Adam عليه السلام masih antara air dengan tanah. Bagindalah yang telah bersabda:

أنا سيد ولد آدم ولا فخر

"Aku adalah penghulu anak keturunan Adam tanpa rasa bangga".

Bingkisan selawat, salam, tahiyyat dan keberkatan dari Robbi buat Baginda dan semoga ALLAH merezekikan kita madadnya di dunia dan syafaatnya di Akhirat sana. Allahumma amin.

Qasidah yang bernama Ar-Ra'iyyah ini membicarakan perjalanan seorang murid dalam tareqat Tasawuf. Ia adalah karya Junjungan kami Syeikh As-Suyukh Al-Murobbi Sidi Syuaib Abi Madyan Al-Ghauts - semoga ALLAH meredhoinya dan mengurnia kita manfaatnya begitu juga seluruh masyaikh kamil semoga ALLAH redho pada mereka sekalian beserta segala usul dan cabang mereka, tareqat dan masyrab mereka.

Di dalam qasidah agung ini diterangkan peradaban kaum Ahlillah Tabaroka wa Taala dalam menempuh derap langkah dan perjalanan yang menyampaikan kepada ALLAH Subhanahu wa Taala. Demikianlah

kebiasaan para Junjungan Sufiyyah yang muhaqqiqin yang suka memberi penjelasan itu melalui qasidah, syair dan karya-karya mereka kerana cara ini memberi faedah dan manfaat besar bagi siswa jalan ALLAH تبارك وتعالى dan penuntut maqam kesempurnaan Islami insani. Demikian itulah yang dimaksudkan dalam ucapan As-Syeikh Al-Kamil Sidi Al-Imam Abul Qasim Al-Junaid Al-Baghdadi -semoga ALLAH meredhoinya dan mengurnia kita kemanfaatannya-:

التصوف كله أخلاق وأدآب فمن زاد عليك بالإخلاق والأدآب زاد عليك بالتصوف.

"Tasawuf itu keseluruhannya adalah adab dan akhlak, maka barangsiapa menambahmu dengan akhlak dan akhlak maka dia telah menambah Tasawuf kepadamu".

Aku mendengar tuan guru dan sandaranku; As-Syeikh Al-Kamil Abd. Nasir Abu Bakr As-Siddiq Al-Hasani As-Syazili mengulang kata-kata ini dalam banyak acara:

"Sesunguhnya bagi yang membaca qasidah ini sehari-hari lalu bertafakkur tentang maknanya dan sibuk dia mempraktis dan beramal dengannya, maka sungguhlah dia telah menjamin dirinya menjalani suluk tarbiyyah sempurna dan istiqamah dan jadilah dia murid sejati Insya ALLAH.

مَا لَذَّةُ العِيشِ إلاَّ صُحْبَةُ الفُقَرَا * هُمُ السَّلاَطِينُ وَالسَّادَاتُ وَالأُمَرَا

Hidup ini tiada manisnya
jika tidak mendamping fuqara'
merekalah sultan yang sebenarnya
para junjungan dan umara'

فَاصْحَبْهُمْ وَتَأَدَّبْ فِي مَجَالِسِهُمْ * وَخَلِّ حَظَّكَ مَهْمَا خَلَّفُوكَ وَرَا

Dampingi mereka dan beradablah di majlis mereka
tetaplah di garis belakang,
biarpun mereka memuliakanmu

وَاسْتَغْنِمِ الْوَقْتَ وَاحْضُرْ دَائِماً مَعَهُمْ * وَاعْلَمْ بِأَنَّ الرِّضَى يَخُصُّ مَنْ حَضَرَا

Rebutlah peluang untuk hadir bersama mereka
ketahuilah bagi yang hadir
akan beroleh redho Yang Esa

وَلاَزِمِ الصَّمْتَ إِلاَّ إِنْ سُئِلْتَ فَقُلْ * لاَ عِلْمَ عِنْدِي وَكُنْ بِالْجَهْلِ مُسْتَتِرَا

Kekalkan diam, kalau ditanya
Jawablah saja : Hamba tak berilmu
sembunyikan dirimu
dengan asal kejahilanmu

وَلاَ تَرَ الْعَيْبَ إِلاَّ فِيكَ مُعْتَقِدًا * عَيْباً بَدَا بَيِّناً لَكِنَّهُ اسْتَتَرَا

Keaiban jangan kau pandang,

melainkan pada dirimu jua

yakinlah nyata aibmu ada

cuma sembunyi dari nyata

وَحُطَّ رَأْسَكَ وَاسْتَغْفِرْ بِلاَ سَبَبٍ * وَقُمْ عَلَى قَدَمِ الإِنْصَافِ مُعْتَذِرَا

Tundukkan kepala dan istighfarlah tanpa sebab

bangun dan insaflah meminta maaf

وَإِنْ بَدَا مِنْكَ عَيْبٌ فَاعْتَرِفْ وَأَقِم * وَجْهَ اعْتِذَارِكَ عَمَّا فِيكَ مِنْكَ جَرَا

Jika terzahir aibmu nyata

akuilah akan salahnya

pohonkan maaf salahmu itu

atas yang sudah terlanjur berlaku

وَقُلْ عُبَيْدُكُمُ أَوْلَى بِصَفْحِكُمُ * فَسَامِحُوا وَجُودُوا بِالْعَفْوِ يَا فُقَرَا

Katakanlah pada mursyidmu :

Hambamu tuan yang kerdil ini

terlebih layak menerima ampunmu

maka ampunkan dan berlembutlah

maafkan hamba wahai fuqara

هُمْ بِالتَّفَضُّلِ أَوْلَى وَهْوَ شِيمَتُهُمْ * فَلاَ تَخَفْ دَرَكًا مِنْهُمْ وَلاَ ضَرَرَا

Merekalah yang afdhal sebenar-benarnya

memberi maaf sifat mereka

jangan kau gerun dari mereka;

takkan mudharat diapa-apa

وَبِالتَّفَتِّي عَلَى الإِخْوَانِ جُدْ دَائِماً * حِسًّا وَمَعْنًى وَغُضَّ الطَّرْفَ إِنْ عَثَرَا

Sentiasalah berbudi pada ikhwanmu

dengan harta maupun jiwamu

Jika tersilap langkah mereka

tundukkanlah pandangan mata

وَرَاقِبِ الشَّيْخَ فِي أَحْوَالِهِ فَعَسَى * يُرَى عَلَيْكَ مِنِ اسْتِحْسَانِهِ أَثَرَا

Muraqabah-lah ehwal mursyidmu

moga terkesan dalam jiwamu

bekas ihsannya pada dirimu

وَقَدِّمِ الْجِدَّ وَانْهَضْ عِنْدَ خِدْمَتِهِ * عَسَاهُ يَرْضَى وَحَاذِرْ أَنْ تَكُنْ ضَجِرَا

Utamakan kesungguhan

khidmati Syeikh dengan kegigihan

semoga beliau meredhoimu

jangan terlihat padamu jemu

فَفِي رِضَاهُ رِضَى الْبَارِي وَطَاعَتِهِ * يَرْضَى عَلَيْكَ وَكُنْ مِنْ تَرْكِهَا حَذِرَا

Pada redhonya redho Ilahi

taat padanya taat Ilahi

padamu moga hasil redhonya

jangan kau sampai mencuaikannya

وَاعْلَمْ بِأَنَّ طَرِيقَ الْقَوْمِ دَارِسَةٌ * وَحَالُ مَنْ يَدَّعِيهَا الْيَوْمَ كَيْفَ تَرَا

Ketahuilah!Sungguh jalan kesufian telah pupus

lalu apa katamu terhadap yang mengaku

diri syeikh sufi di zaman ini?!

مَتَى أَرَاهُمْ وَأَنَّى لِي بِرُؤْيَتِهِمْ * أَوْ تَسْمَعُ الأُذْنُ مِنِي عَنْهُمُ خَبَرَا

Entah bilakah dapat ku jumpa

layakkah sepertiku bertemu mereka

dapatkah pula telingaku ini

mendengar berita tentang mereka

مَنْ لِي وَأَنَّى لِمِثْلِي أَنْ يُزَاحِمَهُمْ * عَلَى مَوَارِدَ لَمْ أَلْفِي بِهَا كَدَرَا

Siapalah aku

bagaimanalah insan sepertiku mencita-citakan

untuk turut serta mereka

di sumber air yang keheningan

أُحِبُّهُمْ وَأُدَارِيهِمْ وَأُوثِرُهُمْ * بِمُهْجَتِي وَخُصُوصاً مِنْهُمُ نَفَرَا

Ku cinta mereka sepenuh jiwa,

rayuan hatiku mengharap kasihnya

ku pilih mereka dan teristimewa

beberapa Rijal kalangan mereka

قُوْمٌ كِرَامُ السَّجَايَا حَيْثُمَا جَلَسُوا * يَبْقَى الْمَكَانُ عَلَى آثَارِهِمْ عَطِرَا

Merekalah kaum yang mulia pekertinya

tidak kira di mana singgahnya

harumlah suasana dengan mereka

يُهْدِي التَّصَوُّفُ مِنْ أَخْلَاقِهِمْ طَرَفاً * حُسْنُ التَّآلُفِ مِنْهُمْ رَاقَنِي نَظَرَا

Akhlak mereka

bak bunga-bunga Tasawuf

kemesraan mereka

mempersona pandangan mata

هُمْ أَهْلُ وُدِّي وَأَحْبَابِي الَّذِينَ هُمُ * مِمَّنْ يَجُرُّ ذُيُولَ الْعِزِّ مُفْتَخِرَا

Merekalah para kekasih
dan merekalah kecintaanku
pada merekalah patut ditaruh
rasa bangga nan kemuliaan

لاَ زَالَ شَمْلِي بِهِمْ فَي اللَّهِ مُجْتَمِعاً * وَذَنْبُنَا فِيهِ مَغْفُوراً وَمُغْتَفَرَا

Semoga tetap ikatan jiwaku
demi ALLAH dengan mereka
moga dengan ikatan itu
kita Muslimin beroleh ampunan

ثُمَّ الصَّلاَةُ عَلَى الْمُخْتَارِ سَيِّدُنَا * مُحَمَّدٌ خَيْرُ مَنْ أَوَفَى وَمَنْ نَذَرَا

Buat Junjungan Insan Terpilih
selawat salam dari Yang Esa
Sidna Muhammad insan budiman
yang paling setia pada perjanjian

وصلى الله على سيدنا مولانا وسندنا وشفعينا محمد رسول الله صلى الله عليه وسلم وعلى آله وصحبه وسلم تسليما كثيرا إلى يوم الدين. سبحان ربك رب العزة عما يصفون وسلام على المرسلين والحمد لله رب العالمين.

MAAF: Artikel ini hanya khusus bagi mereka yang mahu menjadi murid sejati.

Semoga dirahmati ALLAH penyair yang memuji As-Syeikh AL-Kamil Sidi Abu Madyan dengan madahnya:

ولتغد للعبّاد منها غدوة * تصبح هموم النفس عنك بمعزل

Pergilah ke sana, pada satu sore
agar kecamuk jiwamu jadi tenang

وضريح تاج العارفين شعيبا * زره هناك فحبذا ذلك الولي

ke permakaman mahkota arifin
Sidi Syuaib, ziarahilah dia
aduhai beliaulah sang wali itu

فمزاره للدين والدنيا معا * تمحي ذنوبك أو كروبك تنجلي

Ziarahilah dia untuk hajat dunia dan agama
moga terampun dosamu
atau lepas dari duka



Usul Jalan Akhirat

11 Januari 2013

Aku telah mendengar dari para masyakih kami warga Madinah Al-Munawwarah zaman-zaman dahulu -moga ALLAH meredhoi mereka sekalian- yang merawikan dengan sanad mereka kepada para masyaikh yang kamil dari kaum sufi yang muhaqqiqin -moga ALLAH meredhoi mereka sekalian- bahawa para siswa jalan Akhirat (penuntut jalan menuju Allah) mempunyai beberapa dasar, kaedah dan ketetapan yang dipegang sebelum mula menempuh suluk (tarbiyyah) perjalanan ini. Inilah dia jalan tazkiyyah (pemurnian jiwa) dan jalan pendidikan yang dinamakan juga sebagai jalan tareqat dan madrasah Sufi Islami yang sunni.

Sekadar yang ku ingat aku akan menyenaraikan dasar-dasar itu tanpa mengikut susunan tertibnya. Terserahlah kepada sidang pembaca untuk menyusunnya sendiri.

DasarPertama :

Para junjungan Sufi Islami yang sunni adalah kelompok Ahlus Sunnah Wal Jamaah.

Mereka merupakan kelompok manusia yang paling banyak dapat menjejaki dengan baik perjalanan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم, mereka adalah kelompok manusia yang paling berhak menghidupkan sunnah Baginda صلى الله عليه وسلم dan berakhlak dengan akhlak Baginda صلى الله عليه وسلم.

Para junjungan Sufi menghidupkan sunnah Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم kerana mereka sedari mula perjalanan mereka menjaga kepatuhan terhadap segala perkataan Baginda صلى الله عليه وسلم. Di pertengahan hal mereka, mereka meneladani amalan Baginda صلى الله عليه وسلم. Ini membuahkan tahqiq di hujung perjalanan mereka dengan akhlak Baginda صلى الله عليه وسلم (makarimul akhlak).

Proses membaikkan akhlak pula takkan terjadi melainkan selepas pemurnian jiwa. Jalan pemurnian ialah dengan tunduk kepada penata syariat dan penggubalnya iaitu Junjungan Baginda yang amat santun, amat penyayang dan amat hikmat صلى الله عليه وسلم, kemudian dari itu dengan tunduk kepada para pengikut Baginda (para sahabat) dan para penggantinya (masyaikh kamil) -moga ALLAH meredhoi mereka sekalian hingga ke hari kiamat-.

Dasar kedua :

Firman ALLAH Taala:

قُلْ يَجْمَعُ بَيْنَنَا رَبُّنَا ثُمَّ يَفْتَحُ بَيْنَنَا بِالْحَقِّ وَهُوَ الْفَتَّاحُ الْعَلِيمُ

"Katakanlah: "Tuhan kita akan menghimpunkan kita semua, kemudian Dia akan menyelesaikan perselisihan yang ada di antara kita dengan penyelesaian yang benar; dan Dia lah jua hakim yang seadil-adilnya, lagi maha mengetahui segala-galanya"- Saba': 26

Saiyidina Al-Imam Al-'Arif Billah Abu Bakr Al-Banani رضي الله عنه وأرضاه menyebut dalam kitabnya Madarijus Suluk :

"Ketahuilah para ikhwanku moga ALLAH memancarkan hatiku dan hatimu dengan gugusan cahaya makrifat dan hidayah dan moga Dia menjagaiku dan dirimu dari segala yang menyeret kepada kesesatan dan lencongan, sesungguhnya ALLAH تبارك وتعالى apabila dia memuliakan seorang hambaNya dengan taufik lalu dapat mengkhidmatiNya dan ALLAH mengerakkan si hamba pada segala yang mendatangkan keredhoanNya iaitu dengan menemukan si hamba dengan seorang dari awliya'Nya yang merupakan mata kepada ALLAH Taala jua, maka si hamba bertuah ini sudah pasti dikurniai budi yang agung dari ALLAH تبارك وتعالى bilamana ALLAH telah menyingkap baginya akan

hakikat ahli takhsis (iaitu wali yang diistimewakan ALLAH).

Dengan itu lazimlah bagi si hamba untuk mensyukuri nikmat ini yang merupakan sebesar-besar nikmat ALLAH ke atas para abdiNya. Mensyukuri nikmat ini ialah dengan menunaikan kewajiban khidmat padaNya dan menjalankan tuntutan mahabbah yang berupa kesempurnaan adab yang merupakan roh dalam perjalanan khususiyyah (jalan Akhirat). Kerana orang beradab itu dalam tempoh masa yang singkat dapat mencapai pencapaian para rijal, adapun orang yang buruk adab pula sebaliknya.

Sesungguhnya seluruh Ahlillah -moga ALLAH meredhoi mereka sekalian dan memuliakan kita dengan mereka- telah sepakat menghukumkan bahawa barang siapa tiada adab maka tiada perjalanan baginya, barangsiapa yang tiada wushul maka tiada futuh baginya, barang siapa tiada ilmu maka tiada amal baginya dan barang siapa yang tiada amal maka tiada agama baginya.

Justeru itulah maka adab kepada syeikh yang kamil lagi murobbi itu merupakan petanda jaya bagi murid penuntut ALLAH dan siswa yang mahu mencapai wushul kepada Allah, apabila si murid ketiadaan adab maka gelincirlah kenderaannya dan lelah pula tunggangannya (berhentilah dia di perjalanan lalu rugi dan boleh jadi binasa).

Adab itu pula takkan hilang dari si murid melainkan jika dia menyalahi syeikh murobbi yang merupakan bapanya, baik dalam perkataan, atau perbuatan, atau hal, yaitu bila mana dia membangkang syeikh sama ada secara zahir mahu pun batin. (Mohon dijauhkan ALLAH dari itu).

Para tokoh awliya' arifin -moga ALLAH meredhoi mereka sekalian dan mengurnia kita kemanfaatan mereka- telah menyatakan bahawa seorang syeikh yang murobbi itu jika tercium dari seorang muridnya bau bantahan dan beliau tahu bahawa si murid itu jatuh adabnya maka wajiblah bagi syeikh untuk menghalau si murid kerana dia sudah rosak dan akan merosakkan murid-murid yang lain. (Aku telah melalui pengalaman ini dan menyaksikannya).

Justeru itu hendaklah kamu menjaga-jagai batinmu dari memeram sifat terkeji ini. Hendaklah kamu sekalian memeliharakan adab-adab yang diredhoi yang iaitu merupakan senjata dan sirr seorang faqir, murid, salik, kembara dan anak dalam menempuh suluk perjalanan junjungan sufi Islami yang sunni.

Allahumma Robbi… Allahumma Robbana… peliharalah kami, kurniakan kami persalinan dan tutuplah kelemahan kami demi jaah Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم تسليما Allahumma amin.

Dasar ketiga :

Firman ALLAH Taala:

وَسِيقَ الَّذِينَ اتَّقَوْا رَبَّهُمْ إِلَى الْـجَنَّةِ زُمَرًا حَتَّى إِذَا جَاؤُوهَا
وَفُتِحَتْ أَبْوَابُهَا وَقَالَ لَـهُمْ خَزَنَتُهَا سَلامٌ عَلَيْكُمْ طِبْتُمْ
فَادْخُلُوهَا خَالِدِينَ وَقَالُوا الْـحَمْدُ لِلهِ الَّذِي صَدَقَنَا وَعْدَهُ
وَأَوْرَثْنَا الأَرْضَ نَتَبَوَّأُ مِنَ الْـجَنَّةِ حَيْثُ نَشَاءُ فَنِعْمَ أَجْرُ
الْعَامِلِينَ وَتَرَى الْـمَلائِكَةَ حَافِّينَ مِنْ حَوْلِ الْعَرْشِ يُسَبِّحُونَ
بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَقُضِيَ بَيْنَهُم بِالْـحَقِّ وَقِيلَ الْـحَمْدُ لِلهِ رَبِّ
الْعَالَـمِينَ.

"Dan orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka akan digiring ke syurga dengan berpasuk-pasukan, sehingga apabila mereka sampai ke syurga yang pintu-pintunya sedia terbuka dan penjaga-penjaganya mengalu-alukan mereka dengan kata-kata:" Salam sejahtera kepada kamu, berbahagialah kamu, maka silalah masuk ke dalam syurga ini dengan keadaan tinggal kekal di dalamnya" (Mereka pun masuk) seraya berkata:" Segala puji tertentu bagi ALLAH yang telah menepati janjiNya kepada kami, dan yang menjadikan kami mewarisi bumi syurga ini dengan sebebas-bebasnya, kami boleh mengambil tempat dari syurga ini di mana sahaja kami sukai;

maka pemberian yang demikian ialah sebaik-baik balasan bagi mereka yang beramal". Dan (pada hari itu) engkau akan melihat malaikat beredar di sekeliling arasy dengan bertasbih memuji Tuhan mereka, serta mereka dihakimi dengan adil; dan (masing-masing bersyukur akan keputusan itu dengan) mengucapkan: "Segala puji tertentu bagi ALLAH Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan seluruh alam!" - Az-Zumar: 73-75

Seorang murid apabila sudah mantap azamnya untuk meneladani syeikh murobbi agar dipimpin tangannya menuju jalan ALLAH Tabaroka wa Taala maka wajiblah baginya untuk komitmen mengiktiqadkan (meyakini) bahawa syeikhnya itu tidak maksum. Iya, walau pun syeikh murobbi itu keadaan halnya paling sempurna serba-serbi namun beliau tidak sekali-kali maksum. Kemaksuman itu hanyalah bagi para nabi dan rasul عليهم الصلاة والسلام.

Begitu juga wajib bagi si murid untuk tidak iktiqad dirinya sebagai maksum. Bila-bila saja boleh terbit darinya satu kesalahan bahkan salah silap dan satu kegelinciran bahkan banyak, cuma wajiblah dia tidak terus menerus dengan kesalahannya itu, hendaklah dia taubat dari salah silapnya dan bersikap malu kepada ALLAH.

Janganlah sekali-kali hendaknya hemah si murid bergantung kepada selain ALLAH Tabaroka wa Taala, janganlah dia cenderung melainkan kepada ALLAH

supaya tidak jatuh dirinya pada meremehkan hak ALLAH iaitu soal syariat seperti yang telah berlaku kepada setengah golongan pelampau yang mana sikap itu menyebabkan mereka selama-lamanya putus hubungan dengan ALLAH lagi terhalau dan jauh dari rahmatNya. Kepada ALLAH jua kita bermohon sejahtera, kemaafan dan selamat.

Sudah wajib dan sepatutnyalah bagi si murid, sang kembara, si faqir, seorang salik dan darwisy untuk tidak masuk mendamping syeikh murobbi lagi ayah rohani melainkan selepas dirinya tahu bahawa inilah syeikh kamil yang akan mengadab dan memurnikan dirinya, dan inilah syeikh yang terlebih mantap mengadabkannya dari lain-lain masyaikh.

Bilamana si murid sudah berguru kepada seorang syeikh murobbi namun dalam batinnya dia meninjau-ninjau kepada syeikh lain, atau dia masih pergi kepada syeikh-syeikh yang lain, dia hanya mencaca merba, mengkucar kacir dan mencampur aduk berbagai amalan, wirid, hizb, zikir dan wazhifah.

Murid seperti ini tidak murni suhbah (dampingan) kepada syeikhnya. Perkataan syeikh tiada masuk pada dirinya, batinnya tidak bersedia menerima aliran syeikh kepadanya dan dia takkan mendapat manfaat dari syeikhnya walaupun seumur hidup bersama. Ini kerana si murid hanya menyalami tangan syeikh murobbinya tapi sebenarnya dia tidak mengambil tareqat dari beliau

lagi belum mencium bau tareqat. Keadaan si murid yang begitu sebenarnya hanya bersama syeikh secara jasad lahir dan tidak secara roh. Fahamilah hakikat ini moga engkau berjaya.

Sesunguhnya seorang murid itu apabila semakin bertambah keyakinan bahawa syeikhnya lah yang tunggal sebagai syeikhnya dan tidak syeikh lain, maka akan tahulah dia kelebihan syeikhnya dan akan kuatlah mahabbahnya. Adapun mahabbah dan keserasian/ kemesraan itu merupakan dua sifat yang menjadi penghubung antara murid dengan syeikhnya. Sejauh mana kadar kuatnya mahabbah dan kenal si murid kepada syeikhnya maka sekuat itulah berlakunya aliran dan perpindahan hal syeikh kepada si murid sejati, anak yang dicinta dan mencintai, yang dikehendaki dan diimpi-impi.

Sidi As-Syeikh As-Syuraisy رضي الله عنه menyebut dalam Qasidah Ro'iyyahnya:

وَلَا تَقدَمَنَّ قَبلَ اعْتِقَادِكَ أَنَّهُ * مُرَبٍّ وَلَا أَولَى بِهَا مِنهُ فِي العَصرِ

فَإِنَّهُ رَقِيبُ الالتِفَاتِ لِغَيرِهِ * يَقُولُ لِـمَحبُوبِ السَّرَايَةِ لَا تَسرِ

Janganlah engkau maju berguru

sebelum iktiqad dalam dirimu

bahawa syeikhmu itu seorang murobbi

lagi tiada yang lebih aula darinya
menjadi mursyidmu di masa ini

Sungguh syeikh itu mengawas-awasi
berpaling murid tidak di sisi
suka meninjau ke sana ke mari
maka berkata syeikh murobbi
usah engkau berpergi-pergi

Hendaklah si murid iktiqad bahawa syeikhnya lebih utama mentarbiyyah dirinya dari syeikh yang lain. Dengan itu murid takkan sama sekali berpaling kepada selain syeikhnya. Bagi murid yang tidak begini iktiqad keyakinannya terhadap syeikh maka tak lama lagi dia akan melihat apa yang bakal menyakitinya pada agama dan dunianya.

Adapun maksud dari adab ini ialah tarbiyyah terhadap murid agar menghimpun hatinya terhadap syeikh. Iktiqadnya ini takkan memudaratkan apa-apa selagi dia tidak memperkecilkan syeikh-syeikh murobbi yang lain atau sampai dia mengata-ngata syeikh lain, atau dia melampau-lampau menyanjung syeikhnya hingga ke tahap yang merosakkan seperti mempercayai bahawa syeikhnya itu manusia luar biasa yang lepas dari ikatan 'ubdudiyyah kepada ALLAH Robbul 'Alamin. Aduhai amat malangnya, inilah

yang banyak berlaku kepada orang-orang di zaman kita sekarang. Allahumma Robbana taubatkanlah kami sekalian dengan taubat nasuha yang berkekalan selama-lamanya.

Demikianlah dapat disimpulkan bahawa kaedah emas ini menyeru dengan lisanul hal dan lisanul maqal serta terbukti dengan ujikaji hidup bahawa bahawa apabila semakin mantap hati seorang murid terhadap syeikh dan apabila iktiqad murid terhadap syeikh makin sempurna nescaya akan terpancarlah pada dirinya kriteria-kriteria jalan tareqat dan terzahirlah pada jiwanya bukti-bukti pencapaian tahqiq (ini jelas, tapi manusia tidur tak mahu menyaksikannya). Begitulah pula kalau sebaliknya maka akan berlakulah sebaliknya. Apa pun segala ilmu itu semata-mata kepunyaan ALLAH Subhanahu wa Taala jua

لاَ شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَاْ أَوَّلُ الْـمُسْلِمِينَ

"...tiada sekutu bagiNya dan dengan demikianlah aku diperintahkan dan akulah yang awal muslim (menyerah diri padaNya)".

وَصَلَّى اللهُ وَسَلَّمَ تَسلِيماً عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولَانَا مُحَمَّدٍ رَسُولِ اللهِ حَبِيبِ اللهِ عَظِيمِ الجَاهِوَعَلَى جَمِيعِ آلِهِ. وَارْضَ يَا رَبَّنَا عَن جَمِيعِ أَصحَابِهِ وَزَوجَاتِهِ وَانْفَعنَا وَشَرِّفنَا بِهِم فِي الدَّارَينِ. اللَّهُمَّ آمِين.



Inilah Karekter Anggota Hadrah Ilahiyyah

2 April 2014

Berkata As-Syeikh Al-Kamil Ali Al-Jamal = Al-Hammal mahaguru kepada Syeikh Sidna Al-Arobiy Ad-Darqowi رضي الله عنهم وأرضاهم ونفعنا بهم جميعا :

Ketahuilah bahawa Al-hadrah Al-Ilahiyyah itu ibarat syurga yang tidak boleh masuk ke dalamnya

orang yang hasad

juga tidak pendendam

juga tidak iri hati

juga tidak pemarah

juga tidak yang susah hati

dan yang bermalang-malang dengan dunia

ALLAH Tuhan kita تبارك وتعالى Berfirman :

وَنَزَعْنَا مَا فِي صُدُورِهِم مِّنْ غِلٍّ إِخْوَانًا عَلَى سُرُرٍ مُّتَقَابِلِينَ. لاَ يَمَسُّهُمْ فِيهَا نَصَبٌ وَمَا هُم مِّنْهَا بِمُخْرَجِينَ.

"Dan Kami cabut akan apa yang ada di hati mereka dari perasaan hasad dengki sehingga menjadilah mereka bersaudara (dalam suasana kasih mesra), serta mereka duduk berhadap-hadapan di atas pelamin masing-masing. Mereka tidak akan disentuh susah payah dalam syurga itu, dan mereka pula tidak sekali-kali akan dikeluarkan daripadanya". Al-Hijr : 47-48

وَنَزَعْنَا مَا فِي صُدُورِهِم مِّنْ غِلٍّ تَجْرِي مِن تَحْتِهِمُ الأَنْهَارُ وَقَالُواْ الْحَمْدُ لِلّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلا أَنْ هَدَانَا اللّهُ لَقَدْ جَاءَتْ رُسُلُ رَبِّنَا بِالْحَقِّ وَنُودُواْ أَن تِلْكُمُ الْجَنَّةُ أُورِثْتُمُوهَا بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ.

"Dan Kami cabutkan segala dendam dan hasad dengki dari hati mereka, (di dalam syurga) yang mengalir beberapa sungai di bawah (tempat) masing-masing, dan mereka pula bersyukur dengan berkata: "Segala puji tertentu bagi ALLAH yang telah memberi hidayah petunjuk untuk (mendapat nikmat-nikmat) ini, padahal

kami tidak sekali-kali akan memperoleh petunjuk kalau ALLAH tidak memimpin kami; sesungguhnya telah datang Rasul-rasul Tuhan Kami dengan membawa kebenaran". Dan mereka diseru: "Itulah syurga yang diberikan kamu mewarisinya dengan sebab apa yang kamu telah kerjakan". Al-A'raaf : 43

Allahumma Robbana demi jaah Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم janganlah Engkau menjadikan kami dari golongan yang bahagiannya dari perkara ini hanya mendengar-dengar sifat dan cerita serta hanya berharap tanpa beroleh manfaat

dan yang demikian itu tidaklah susah bagi ALLAH Al-Haq Al-Mubin untuk memperkenankannya.

Allahumma Amin. والحمد لله رب العالمين.